

DN.14.5.96

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 14hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat

Sumpah:

1. Y.B. Tuan Hanipah bin Ahmad
2. Y.B. Tuan Ibrahim bin Daud
3. Y.B. Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang
4. Y.B. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba
5. Y.B. Tuan Yim Chee Chong
6. Y.B. Dato' Dr. T. Marimuthu
7. Y.B. Tuan Charern Intachat
8. Y.B. Datuk Khoo Keok Hai
9. Y.B. Tuan Khoo Lay Hin
10. Y.B. Tuan Jang Chow Thye

PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu pada 20hb. Mac, 1996, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa a/p Vellu telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan.

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan juga kepada Ahli yang mengangkat Sumpah di luar Dewan. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan penuh daya dan cemerlang.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1996;

2. Akta Kewangan 1996;
3. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1996;
4. Akta Perbekalan Tambahan 1996;
5. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1996;
6. Akta Perindustrian Sekuriti, Depositry Pusat;
7. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Luar Labuan 1996; dan
8. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1996.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu keputusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

“25hb. April, 1996.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1995 No.2, 1996;
2. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996;
3. Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995;
4. Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar, Pembubaran 1995;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar Syarikat Pengganti 1995;
7. Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 1995;
8. Rang Undang-undang Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (Pindaan) 1995;
9. Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995;
10. Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1965;
11. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996;
12. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996;
13. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1966;

14. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 1996;
15. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN RANG UNDANG-UNDANG ISLAM - PENYERAGAMAN DI SEMUA NEGERI

1. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada jabatan Agama akan membuat penyeragaman ke atas semua akta dan undang-undang Islam di seluruh negara memandangkan pada ketika ini terdapat perbezaan undang-undang, terutamanya dalam urusan nikah-cerai, poligami dan sebagainya di setiap negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Agama Islam sedang dan telah berusaha melaksanakan penyelarasan akta dan undang-undang Islam di negeri-negeri. Usaha ini dibuat melalui kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Pada dasarnya, kira-kira 80% daripada

kandungan peruntukan dalam undang-undang Islam negeri-negeri telah diseragamkan. Perbezaan yang masih wujud antara lain hanya dari segi seksyen, jumlah denda dan tempoh hukuman yang dikenakan.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sentiasa peka mengenai perbezaan yang wujud dalam undang-undang Islam dan berusaha menyelaraskan perbezaan tersebut dari semasa ke semasa.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam melaksanakan penyeragaman ini, apakah pihak Pusat Islam menghadapi masalah pada negeri-negeri dan manakah negeri yang agaknya sukar bagi pihak Pusat Islam mendapat kerjasama dalam penyeragaman ini? Sekiranya ini berlaku, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh pihak Pusat Islam?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya semua negeri menerima baik apa sahaja saranan-saranan yang dibuat oleh BAHEIS. Hanya kadangkala sama ada cepat atau lewat sahaja. Tetapi oleh kerana sebuah negeri yang tertentu diperintah oleh parti lain, maka kadangkala banyak perkara yang sengaja mereka tidak mengikut pada permulaannya. Tetapi hakikatnya akhir-akhir ini mereka telah mengikut sama banyak perkara yang kita sarankan. Bahkan saya sebutkan negeri Kelantan sendiri hingga sekarang mereka masih menggunakan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah dan Enakmen Acara Jenayah Syariah 3/82 dan 9/83 adalah enakmen yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mendalami lagi penyeragaman, adakah pihak kerajaan pusat berhajat untuk mengambilalih tugas-tugas yang dijalankan oleh Jabatan Agama

Negeri, dan kalau ianya berhajat, bila? Dan kalau tidak, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan pusat ke arah itu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan pusat tidak berhajat untuk mengambilalih pentadbiran agama di negeri-negeri kerana pihak negeri mempunyai perlembagaan sendiri yang mana agama Islam adalah di bawah kelolaan raja masing-masing. Hanya yang kita buat sekarang ialah mengambil pandangan bersama, menjemput bersama-sama, bermusyawarah mengenai perkara-perkara yang hendak diselaraskan. Sehingga sekarang, Alhamdulillah, banyak perkara telah dapat diselaraskan apabila kita mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa kerajaan negeri yang terlibat.

PUSAT PERNIAGAAN KECIL - PERATURAN MEWAJIBKAN

2. Tuan Kan Kok Kwan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan telah menetapkan satu peraturan di mana semua taman perumahan yang baru patut menyediakan Pusat Peniaga-peniaga Kecil. Sehubungan dengan itu, adakah wajar beliau memperkenalkan satu undang-undang untuk menghalang pusat-pusat tersebut diswastakan. Ini adalah kerana apabila ianya diswastakan, kadar sewanya akan bertambah dan ini adalah di luar kemampuan peniaga-peniaga kecil tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak berkuasa tempatan ada piawaian perancangan sendiri berkaitan menyediakan pusat peniaga-peniaga kecil. Pihak berkuasa tempatan boleh memastikan pihak pemaju menyediakan sebuah tapak pusat perkhidmatan di setiap kawasan taman perumahan. Di Pusat perkhidmatan ini akan disediakan

pusat-pusat peniaga kecil sekiranya perlu bergantung kepada permintaan penduduk dan permintaan peniaga-peniaga.

Untuk memperkenalkan satu undang-undang untuk menghalang pusat peniaga-peniaga kecil diswastakan adalah tidak perlu. Ini adalah kerana pada kebiasaannya pihak berkuasa tempatan sendiri menguruskan pusat perkhidmatan dan akan mengenakan kadar sewa yang berpatutan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dalam rancangan untuk taman-taman perumahan ini, ada juga dipastikan supaya surau atau madrasah ataupun mungkin masjid disyaratkan berdasarkan jumlah penduduk yang beragama Islam di taman-taman perumahan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang ada dalam tindakan pihak berkuasa tempatan.

KEMALANGAN - TINDAKAN PLUS MENGATASI

3. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Keraja Raya menyatakan apakah tindakan diambil oleh kerajaan dan Syarikat PLUS untuk memberhentikan kemalangan yang berlaku di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan dan adakah kerajaan menjalankan kajian terperinci serta mencari punca kemalangan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang peka mengenai bilangan kemalangan yang kian meningkat di Lebuhraya Utara-Selatan, khususnya pada musim cuti am. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) mengurangkan had kelajuan di beberapa lokasi selekoh yang merbahaya di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan daripada 110 kilometer/jam kepada 60 kilometer/jam atau 90 kilometer/jam;
- (ii) menambahkan tanda amaran di lokasi-lokasi yang merbahaya;
- (iii) mengadakan penyelenggaraan yang rapi supaya lebuhraya sentiasa berada dalam keadaan baik ; dan
- (iv) menjalankan 'Kempen Pandu Cermat', khususnya pada masa sebelum hari perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari maklumat yang dikumpul adalah diperhatikan bahawa faktor utama yang menyebabkan kemalangan ialah faktor pemandu sendiri dan bukan faktor

kejuruteraan jalan. Memandu dengan cuai dan memandu apabila mengantuk adalah punca utama bagi kemalangan jalan yang telah berlaku.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita sedar bahawa Lebuhraya Utara-Selatan memang disukai oleh kenderaan-kenderaan walaupun kena bayar tol. Binatang-binatang seperti lembu dan kambing pun suka gunakan dan mereka suka datang ke Lebuhraya. Ini adalah punca kemalangan. Adakah kementerian sedar dan mengambil tindakan yang keras terhadap masalah ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar, oleh kerana semua Lebuhraya Utara-Selatan telah dipagar dan tidak boleh dimasuki lembu, kambing, anjing atau apa-apa binatang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Berapa jenis binatang?

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah asas menetapkan had laju maksimum 110 kilometer sejam di lebuhraya yang sekarang ini dibuat berdasarkan kepada tahap kecekapan memandu pemandu-pemandu di negara kita. Apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji bagi menaikkan had laju yang telah ditetapkan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu keputusan yang telah dibuat dalam perbincangan dengan Kementerian Pengangkutan dan

juga Kementerian Kerja Raya yang mana kita dapati 110 kilometer sejam menjadi lebih selamat kepada pemandu, kalau lebih daripada itu, walaupun kita sudah tetapkan 110 kilometer sejam sekarang, tetapi ada juga orang yang memandu dengan kelajuan 180 kilometer sejam dan ada juga yang memandu dengan kelajuan 200 kilometer sejam - baru-baru ini saya nampak dan saya ikut di lebuh raya yang sama di mana sebuah kereta sport menggunakan lebuh raya itu dengan kelajuan 210 kilometer sejam, lebih kurang. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa nombornya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nombor saya tidak boleh ambil, oleh kerana tugas itu diletakkan dalam tangan polis. Saya percaya tindakan akan diambil.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan mengatakan bahawa punca utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya, terutama sekali di lebuh raya adalah disebabkan had laju ataupun kerana cuai. Adakah kerajaan bercadang hendak mengkaji semula had laju di lebuh raya? Sebab, kalau kita perhatikan sekarang ini, apabila ada perangkap laju, pemandu-pemandu hanya memandu mengikut peraturan semasa itu sahaja, selepas itu terus memandu dengan had laju yang lebih daripada undang-undang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, punca kemalangan itu ialah selain daripada apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ambil satu bulan untuk memberi contoh - bulan Mac 25% ialah reckless driving

- pemandu tidak menjaga kepentingan dan juga suka hati ketika menggunakan jalan. Kedua, cuaca - 24%, mengantuk - 21% , tayar bocor - 15%, kerosakan enjin - 4% dan seperti apa yang dikatakan tadi, ada juga obstacle, yang bererti ada juga lori-lori dan lain-lain kenderaan yang di'park' di atas jalan apabila kenderaan mereka rosak.

Satu lagi 4% - ini orang 'langgar dan lari' daripada tanggungjawab mereka. Jadi, inilah punca-punca kemalangan yang telah berlaku dilebuh raya.

PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR - MEMAJUKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

4. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk meletakkan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sebagai satu badan yang berhak untuk menentukan kontraktor bumiputera dimajukan dan sekali gus dapat meningkatkan prestasi mereka.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Khidmat Kontraktor yang dahulunya dikenali sebagai Pesaka Bumi telah ditubuhkan pada bulan Jun 1981, ekoran Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Ke-2.

Pada masa ini Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) terletak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan walaupun pada mulanya ia diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU.

Antara tugas utama PKK ialah, yang pertama, mendaftar semua kontraktor yang ingin berkecimpung dalam bidang kontraktor.

Pada hari ini terdapat 18,056 kontraktor yang berdaftar dengan PKK. Daripada jumlah tersebut 14,389 adalah bumiputera. Daripada bilangan bumiputera tersebut 11,314 merupakan kontraktor Kelas 'F'.

Selain dari itu, PKK juga bertanggungjawab sebagai pusat rujukan bagi jabatan-jabatan untuk pendaftaran kontraktor, ia juga bertanggungjawab memberi pengiktirafan taraf bumiputera kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memaju dan meningkatkan prestasi kontraktor bumiputera, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh PKK ialah mewujudkan khidmat perundingan di semua cawangan negeri di mana persatuan-persatuan kontraktor bumiputera juga terlibat dalam menjayakan khidmat ini.

Yang keduanya, mengadakan program pengawasan, pemeriksaan dan lawatan projek bagi memastikan projek-projek yang ditawarkan kepada bumiputera benar-benar diusahakan oleh kontraktor bumiputera yang berkenaan.

Selain dari itu, pihak PKK juga mengadakan kursus motivasi dan kesedaran dengan kerjasama agensi-agensi lain untuk memaju dan meningkatkan prestasi kontraktor bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, PKK juga terlibat bersama-sama agensi lain termasuklah Kementerian Kewangan, JKR, Jabatan Perdana Menteri dalam menjayakan program kontraktor binaan berwibawa.

Seterusnya, saya ingin memaklumkan bahawa dari semasa ke semasa, pihak PKK mengadakan perbincangan dengan Persatuan Kontraktor-kontraktor Bumiputera bagi mencari jalan bagaimana boleh kita meningkatkan peranan, tanggungjawab untuk membantu dan membimbing kontraktor bumiputera supaya mereka lebih berjaya lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberi oleh pihak PKK kepada golongan bumiputera

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa cuba untuk meningkatkan prestasinya, inilah prinsip yang kita amalkan walaupun pada umumnya PKK berjaya tetapi kita sentiasa mencari ruang untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan akan meningkat dari semasa ke semasa. Pada hari ini, kita mengambil pendekatan yang lebih terbuka, jika ada masalah dengan kontraktor, maka kita memanggil mereka untuk memberi penjelasan, apakah punca-punca masalah yang dihadapi dan dengan sikap yang lebih terbuka ini, kita berharap para kontraktor bukan sahaja akan dapat bimbingan yang lebih sempurna tetapi dengan itu mereka boleh menjalankan tugas sebagai kontraktor dengan lebih baik lagi.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria-kriteria yang ditentukan oleh kementerian untuk menentukan pihak-pihak kontraktor itu tergolong di dalam golongan kontraktor berwibawa?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di bawah satu program khas kerajaan yang telah dilaksanakan kira-kira dua tahun setengah yang lalu, kerajaan telah melantik beberapa kontraktor berwibawa. Pada hari ini jumlahnya 260 kontraktor berwibawa. Yang penting, antara syarat-syarat utamanya ialah mereka hendaklah berdaftar dengan PKK sekurang-kurangnya tiga tahun berturut-turut, ahli lembaga pengarahnya 100% bumiputera, pengurusannya hendaklah dikawal oleh bumiputera, ia tidak pernah ada rekod yakni baik dengan pihak JKR atau pihak-pihak lain, tidak pernah dikenakan denda, ia mempunyai akaun yang aktif dengan bank dan prestasi kontraknya adalah sentiasa baik.

Inilah antara syarat-syarat utama yang dikenakan bagi melayakkan seseorang kontraktor itu menjadi seorang kontraktor berwibawa.

HOSPITAL KERAJAAN - CADANGAN MENSWASTAKAN PERKHIDMATAN

5. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
 - (a) sama ada kerajaan bercadang menswastakan sebarang perkhidmatan hospital di negara ini; dan

- (b) langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat berpendapatan rendah juga memperolehi perkhidmatan kesihatan percuma apabila perkhidmatan tersebut diswastakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penswastaan kelima-lima khidmat sokongan di hospital-hospital dijadualkan akan dijalankan pada akhir tahun ini.

Lima khidmat sokongan ini terdiri daripada:-

- (i) pembuangan sisa-sisa (clinical waste management);
- (ii) perkhidmatan pembersihan dalam dan luar hospital (cleaning services);
- (iii) perkhidmatan linen (linen laundry services);
- (iv) perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan (facility engineering maintenance services); dan
- (v) perkhidmatan penyelenggaraan biomedical (bio medical engineering maintenance services).

Kajian juga sedang dijalankan untuk meneliti kesesuaian mengkorporatkan hospital-hospital besar.

- (b) Kerajaan akan terus memberi jaminan untuk menjaga kepentingan rakyat berpendapatan rendah supaya mereka

terus menikmati perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya apabila perkhidmatan tersebut diswastakan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Yang Berhormat tadi, lima perkhidmatan akan diswastakan. Dari pengalaman kita biasanya, apabila umpamanya air, elektrik, telefon dan juga pembentungan diswastakan, rakyat terpaksa menanggung bebanan. Jadi, adakah pihak kementerian boleh memberikan jaminan bahawa rakyat tidak akan ditanggung dengan bebanan yang lebih apabila perkhidmatan-perkhidmatan ini diswastakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan tadi, kerajaan akan terus memberi jaminan untuk menjaga kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Abdul Aziz, ada soalan?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan lima perkhidmatan yang akan diswastakan ini, adakah perkhidmatan ini akan diswastakan selepas hospital-hospital besar ini dikorporatise atau sebelum, kerana tadi disebut ianya akan diswastakan mungkin sebelum penghujung tahun dan adakah ianya meliputi satu lagi jenis perkhidmatan iaitu laboratory, kerja-kerja labs seperti menguji darah dan sebagainya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang pertama, kita akan menswastakan kelima-lima services sebelum mengkorporatkan hospital. Mengenai labs kita belum lagi mengambil satu keputusan yang muktamad.

KAD KREDIT - PENETAPAN HAD TERATAS FAEDAH

6. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara akan menetapkan had teratas (ceiling) faedah bagi pemakai-pemakai kad kredit dalam semua urusan supaya ianya dapat diakui oleh semua bank dan badan-badan kewangan yang mengeluarkan kad-kad kredit, sebab ada kalanya bank-bank membuat kiraan faedah berdasarkan seharian tetapi dinyatakan dalam iklan-iklan ianya dikira berdasarkan bulan dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya ia tidak dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bank Negara Malaysia tidak menetapkan sebarang had teratas (ceiling) bagi faedah yang dikenakan untuk penggunaan kad kredit. Kadar faedah yang dikenakan sekarang adalah ditentukan oleh faktor pasaran. Penggunaan kad kredit merupakan pinjaman tidak bercagar dan berisiko tinggi. Perlu difahami, bahawa kadar faedah yang rendah akan menggalakkan perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit. Perbelanjaan berlebihan akan mengakibatkan kenaikan kadar inflasi.

Sungguhpun kadar faedah kad kredit adalah agak tinggi pada masa ini, pengguna mempunyai pilihan untuk tidak membayar kadar faedah yang tinggi

sekiranya mereka tidak menggunakan kad kredit sebagai cara mudah untuk mendapatkan kemudahan kredit pusingan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula, pengguna mempunyai sekurang-kurangnya 20 hari tempoh bebas faedah bagi setiap transaksi runcit menerusi kad kredit. Pengiraan kadar faedah bagi penggunaan kad kredit adalah dibuat pada setiap bulan berdasarkan baki harian. Garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 7hb. November, 1995 memerlukan institusi pengeluar kad kredit mencetak kadar faedah sebenar tahunan berserta kaedah pengiraannya disetiap penyata bulanan yang dihantar kepada pemegang-pemegang kad kredit. Kesimpulannya, pengguna-pengguna kad kredit perlu memahami bahawa tujuan sebenar penggunaan kad kredit adalah sebagai instrument untuk memudahkan proses pembayaran. Oleh itu, pengguna perlu lebih prihatin dalam menggunakan kad kredit dan tidak menganggap kemudahan kad kredit sebagai satu alat untuk mendapatkan kemudahan kredit atau pinjaman dengan cara yang mudah.

Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia akan sentiasa mengawasi operasi kad kredit dari semasa ke semasa dan bersedia mengambil tindakan sewajarnya demi kestabilan ekonomi negara.

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd Nawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bahawa, dulu ada ura-ura Kementerian Kewangan akan memberi peruntukan tahunan kepada Ahli Yang Berhormat Dewan

Negara sebagaimana Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, tetapi sehingga hari ini saya rasa perkara itu masih beku dan sejuk. Saya rasa perkara itu telah pun kita maklumkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa dialog yang telah sudah. Saya mohon kepastian daripada kementerian apakah ini akan diberi kepada kami?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah ini berkaitan dengan kad kredit?

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd Nawi: Tidak, tidak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalnya agak terkeluar tetapi kalau hendak jawab, boleh. Kalau tidak jawab pun boleh juga.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini terkeluar daripada soalan mengikut Standing Order, tidak perlu saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okay, tetapi dengan itu jawab juga tu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun jawab juga tu. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sekarang ini kerajaan amat peka dengan kedudukan inflasi di negara kita ini, saya ingin tahu berapakah sumbangan atau jumlah kecairan dari segi peratusan yang dilahirkan oleh kegunaan kad-kad kredit ini dari segi, kalau mengikut N3, misalnya?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba terangkan sedikit, bukan semua orang tahu ekonomi!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz tadi ialah mengenai kecairan iaitu current asset ataupun liquidity, ini soalan yang berat, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* untuk saya menjawab dan ianya amat spesifik tetapi untuk pengetahuan, untuk tidak menghampakan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *[Ketawa]* sumbangan kad kredit ataupun sumbangan kredit oleh kad kredit pada masa ini tidaklah begitu meningkat dan kalau saya boleh menyebut bahawa pada masa sekarang, jumlah baki tertunggak dan jumlah baki semasa kad kredit ialah lebih kurang RM2.7 bilion dan RM2.07 bilion masing-masing, jadi ini adalah mengenai baki tertunggak. Dari segi liquidity saya akan jawab secara bertulis dan sebagai indicator yang boleh menolong memuaskan Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, bilangan orang yang memegang kad kredit ialah 1.81 juta orang dan walaupun ini menunjukkan satu angka yang banyak tetapi penggunaan kad kredit itu adalah kecil iaitu dari segi bilangan wang adalah kecil, tentang liquidity ratio akan saya beri nanti.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa penggunaan kad kredit adalah untuk memudahkan transaksi jual beli dan saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengkaji tentang penggunaan kad kredit sebagai satu instrument untuk

memudahkan transaksi jual beli dan penggunaan kad kredit bagi orang ramai tanpa mengambil kira sekatan-sekatan yang telah dikenakan supaya lebih ramai pengguna dapat menggunakan kad kredit kerana kita tahu juga banyak masalah, contohnya di mesin-mesin ATM terdapatnya wang-wang yang hilang, dan juga kita tahu dengan penggunaan tunai juga mungkin menimbulkan masalah, jadi kalaulah dapat kerajaan mengkaji dan dapat membuat satu cara bagi membolehkan penggunaan kad kredit yang bertambah.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia, soalnya?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Itu soalnya, cadangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, cadangan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan kad kredit adalah satu daripada ciri-ciri ekonomi yang telah maju, malah di negara kita penggunaan kad kredit baru berlaku, recently, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Yang Berhormat Puan Kamilia tadi adalah satu cadangan yang sesuai dipakai untuk satu ekonomi yang maju seperti di Amerika Syarikat yang mana pendapatan adalah tinggi, malah penuntut kita yang menuntut di luar negeri dari Malaysia boleh gunakan kad kredit tetapi di negara kita yang mana ekonominya sedang membangun yang mana perlu kita mengawasi soal-soal inflasi dan lain-lain lagi dan masalah-masalah bilangan penduduk yang masih berpendapatan kecil, maka perlu kerajaan mengenakan

sekatan-sekatan sehingga tahun 2020 iaitu apabila kita mencapai tahap negara membangun yang sepenuhnya.

Jadi, satu daripada masalah penggunaan kad kredit ini ianya mencetuskan propensity to spend ataupun dia ghairah hendak berbelanja bila dia ada kad kredit dan ini akan menyumbang kepada kadar inflasi yang tinggi dan kadar inflasi yang tinggi adalah sangat merbahaya kepada satu negara yang sedang membangun dengan pesatnya seperti negara kita. Sebab itulah kerajaan kalau hendak bercadang pun mungkin tunggu tahun 2010.

AKIDAH DAN HUKUM - KEKELIRUAN TAFSIRAN

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan:

- (a) masyarakat Islam di Malaysia khasnya dan seluruh dunia amnya menjadi keliru dengan tafsiran yang berbeza dalam hal-hal yang melibatkan soal akidah dan hukum, adakah kekeliruan ini timbul akibat daripada kelemahan dalam sistem pengurusan pentadbiran yang memerlukan penyelarasan pusat secara lebih profesional; dan
- (b) setelah Islam difahami dan penerapan nilai-nilainya dihayati serta boleh diterima oleh rakyat bukan Islam, apakah program dan pendekatan bersepadu ke arah memenuhi maksud Islam adalah cara hidup yang sempurna dan terbaik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan tafsiran yang melibatkan akidah dan hukum berlaku kerana terdapat sebahagian daripada umat Islam mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Agama digunakan untuk kepentingan politik oleh parti-parti politik yang tertentu dan ada di antara

mereka menggunakan sudut pandangan dan kriteria asing bagi menilai 'world view Islam'. Justeru itu, ada yang mempersoalkan sumber ajaran Islam iaitu Al-Quran dan hadis serta Ijmak dan Qias dengan meningkatnya peranan institusi tertentu seperti institusi pengajian tinggi, IKIM dan lain-lain lagi. Perkara ini menjadi reda dan jurang perbezaan kian rapat. Apa yang perlu sekarang ialah meningkatkan lagi penyelarasan di antara agensi persekutuan dan negeri dalam perkara yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam bagi mengelakkan salah tafsir dan ini sedang dilaksanakan dengan begitu berkesan.

Program-program penghayatan Islam yang bersepadu yang dilaksanakan ialah kelas Al-Quran dan Fardu 'Ain, penyelarasan undang-undang pentadbiran Islam, penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek penghidupan dan pengukuhan institusi pentadbiran Islam dan mahkamah syariah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tadi, pihak kerajaan menyatakan bahawa pentadbiran hal-hal Islam diletakkan di bawah negeri dan pihak pusat hanya menjalankan penyelarasan sahaja dan pihak kerajaan juga telah menyatakan timbulnya salah tafsiran pelbagai pihak adalah disebabkan latar belakang pengetahuan Islam yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa di antara sebabnya ialah pengurusan pentadbiran Islam itu sendiri, kalau puncanya berada di situ, adakah kerajaan

bercadang supaya soal-soal agama ini terutama yang melibatkan soal-soal hukum diselaraskan supaya pihak pusat sahaja boleh menentukan.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Memang ini menjadi hasrat kerajaan, sebab itulah kerajaan sekarang ini sedang berusaha untuk menentukan semua penganut agama Islam di negara kita berpegang kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah kerana oleh sebab banyak pegangan yang setengah-setengahnya diikuti oleh pengikut-pengikut Islam, kadangkala ada perkara-perkara tertentu begitu berbeza sehingga menyebabkan umat Islam itu kadangkala akan berpecah-belah di antara satu puak dengan puak. Sebab itulah kerajaan dalam hal ini, untuk menentukan supaya umat Islam di negara kita ini berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan insya-Allah, perkara ini amat baik dan akan kita cuba laksanakan dengan secepat mungkin yang boleh kerana kerajaan telah mengadakan perjumpaan dengan pihak berkuasa dan mufti-mufti negeri dan mereka telah memberikan persetujuan secara dasarnya supaya kita menguatkan perkara pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah untuk pegangan kita.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - KEMUDAHAN KHUSUS

8. Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada anggota tentera darat, laut dan udara dari segi gaji, saraan hidup, perumahan dan pencen.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah berdasarkan kepada apa yang telah

diperkenalkan oleh kerajaan kepada anggota-anggota dalam perkhidmatan awam ataupun dengan izin, public service.

Dalam hal ini, Sistem Saraan Baru ataupun SSB yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk perkhidmatan awam berkuatkuasa mulai 1hb. Januari 1992 telah juga digunapakai oleh Angkatan Tentera Malaysia. Begitu juga dengan pelarasan gaji dan faedah persaraan baru yang telah berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1995.

Di samping itu juga, kerajaan telah pun memperkenalkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan khusus untuk Angkatan Tentera Malaysia berdasarkan kepada keunikan dan kepakaran yang wujud di dalamnya. Perkara ini adalah dikaji dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa ianya adalah memenuhi kehendak semasa di samping menarik minat anak-anak muda masuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia serta mengekalkan mereka yang di dalam perkhidmatan agar berkhidmat sehingga umur persaraan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi ialah, adakah puas hati. Jadi angka-angka yang diberi ini, saya tak tahu puas hati atau tidak puas hati. Kalau Timbalan Menteri Kewangan yang menjawab soalan Timbalan Menteri Pertahanan boleh jawab puas hati, adakah perajurit puas hati?

Contohnya, perumahan misalannya. Banyak perajurit kita yang menyewa rumah di luar daripada kawasan pertahanan dan tinggal di rumah-

rumah setinggan dan rumah-rumah sewa yang tidak patut didiami oleh perajurit yang kita patut memberi satu pujian yang teramat tinggi kepada mereka.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dijawab kepada soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, kerajaan memang puas hati. Jadi, sepatutnya saya berhenti setakat itu. Tetapi untuk memuaskan hati Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki lagi, ditambah dengan jawapan-jawapan tadi.

Mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada perajurit-perajurit, banyak senarai yang akan diberi, tetapi pada akhir-akhir ini ingin saya membacakan insentif elaun yang telah dinaikkan kadarnya iaitu paling akhir bayaran insentif penerbangan yang dimulakan pada 1 Julai 1995, bayaran insentif Pasukan Aturgerak 1 Oktober 1994, bayaran insentif Rejimen Gerak Khas, 1 Oktober 1994 dan imbuhan tetap perumahan iaitu yang Dato' Haji Mohd. Zuki tanya tadi iaitu mulai 1 Januari 1994 lagi dan pihak kerajaan, melalui peruntukan yang diberi oleh Kementerian Kewangan telah pun menambahkan kemudahan-kemudahan perumahan kepada perajurit-perajurit.

Kalau saya masih ingat, tahun sudah kita telah memperuntukkan lebih kurang RM60 juta untuk pembinaan kompleks perumahan di kawasan Melaka. Jadi, saya harap Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki puas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tak puas hati itu kerana jawapan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai memegang prinsip collective responsibility bila tidak ada, saya membantunya. *[Tepuk]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat pun boleh jadi Timbalan Menteri Pertahanan. *[Ketawa]* Sesuai belaka untuk menjadi Menteri apa pun boleh, barangkali! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang pertahanan lagi hendak bertanya. Silakan.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Saya bukan orang pertahanan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, di sebalik kepuasan hati pihak kerajaan, khususnya dalam soal perumahan, dengan angka-angka yang telah diberi itu, adakah kerajaan sedar bahawa masih ada orang-orang yang digelar pahlawan atau wira negara atau perajurit ini masih tinggal di rumah setingan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Zainol Abidin bin Johari, memang kerajaan sedar. Sebab itulah kerajaan mengadakan program-program perumahan dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah ini.

Buat kita, untuk menyelesaikan masalah ini sekelip mata, tidak mungkin dan program perumahan untuk perajurit-perajurit ini sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dengan peruntukan-peruntukan yang secukupnya diberi dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Ini untuk menjawab soalan daripada kementerian lain. Saya harap sebelum menjawab itu, mintalah kebenaran dahulu supaya kita tahu bahawa yang menjawab itu bukan daripada kementerian yang berkenaan. Kita fahamlah collective responsibility, tetapi penentuan itu harus juga particular dalam menjawab soalan-soalan itu.

Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 9.

JAMBATAN DARAT BUTTERWORTH - SONGKLA - PEMBINAAN

9. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah masanya dijangka wujudnya “Jambatan darat dari Butterworth ke Songkla”. Apakah yang harus disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Malaysia yang terlibat untuk mengambil hasil dari laluan emas ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya panjang sedikit. Projek Jambatan darat atau land bridge yang akan menyambung Pelabuhan Pulau Pinang di Pantai Barat Semenanjung dan Songkla di Pantai Timur Thailand akan

dilaksanakan tidak lama lagi apabila penempatan dan laluan muktamad projek ini dapat dipersetujui oleh pihak Malaysia dan Thailand.

Projek ini keseluruhannya akan dilaksanakan bersama oleh pihak swasta Malaysia, Thailand dan Indonesia di bawah rangka pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand atau IMTGT. Projek ini mengandungi 4 komponen iaitu pengangkutan jalan raya, jalan kereta api, saluran paip minyak mentah dan saluran paip gas.

Kejayaan pelaksanaan projek ini di antara lain, bergantung kepada kerjasama dan sokongan semua pihak yang berkaitan, terutama pihak Kerajaan Negeri Kedah yang terlibat, terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pemilihan lokasi yang sesuai untuk saluran paip minyak. Berdasarkan kepada maklumat di atas, persediaan yang perlu dibuat oleh negeri yang terlibat untuk mengambil faedah dari projek ini di antara lain ialah:

- (i) membuat keputusan segera ke atas cadangan laluan saluran paip minyak mentah sepertimana yang akan dicadangkan oleh pihak-pihak berkenaan;
- (ii) membantu mengatasi sebarang masalah, terutamanya masalah birokrasi di peringkat negeri yang boleh melengahkan pelaksanaan projek ini;
- (iii) bekerjasama dengan pihak berkenaan dalam semua peringkat pelaksanaan projek supaya Kerajaan Negeri

boleh menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan yang mendatangkan faedah berganda kepada rakyat hasil dari pelaksanaan projek tersebut;

- (iv) Kerajaan Pulau Pinang bersama-sama Pihak Berkuasa Pelabuhan Pulau Pinang perlu menggembeleng tenaga untuk sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan Pelabuhan Pulau Pinang supaya dapat kekal menjadi pelabuhan utama atau hulk bagi kawasan IMTGT; dan
- (v) Kerajaan Negeri Perlis juga perlu memikir dan merancang cara dan bagaimana projek ini dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negeri berkenaan dalam jangka panjang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dalam perancangan kerajaan untuk membangunkan kawasan segi tiga utara, adakah kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan ataupun insentif kepada negeri-negeri yang kurang maju, iaitu kalau kita ambil kira negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, Perlislah yang memerlukan bantuan kerajaan.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dalam kerjasama segi tiga, kerajaan hanya memberi galakan bagi pihak swasta bagi ketiga-tiga negara untuk mengambil apa sahaja peluang perniagaan di ketiga-tiga negara ini.

Setakat ini, tidak timbul soal bagaimana dan apakah perlu pihak Kerajaan Pusat memberi bantuan umum kepada kerajaan negeri. Kalau ada projek-projek yang khas, kemungkinannya akan ditimbang.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Pulau Pinang, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan mana-mana pelabuhan di mana-mana negeri yang mungkin lebih berhampiran lagi dengan Songkla?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Songkla merupakan antara pelabuhan yang terbaik di selatan Thailand di Pantai Timur. Matlamat projek “land bridge” ini ialah untuk membawa minyak dan barangan daripada Jepun, Taiwan dan negara-negara Timur untuk terus melalui “land bridge” ini dari Songkla ke Pantai Barat Semenanjung supaya dapat mengurangkan jumlah kapal yang melalu-lintas Selat Melaka.

Jadi, kalau hendak dipersoalkan sama ada perlu diwujudkan pelabuhan yang lain, kemungkinannya ada. Kalau Pelabuhan Pulau Pinang itu terlalu sesak, kemungkinan negeri Perlis juga yang diura-ura akan mewujudkan pelabuhan. Kerajaan negeri harus memikirkan cara yang berkesan dan cara yang lebih ekonomik bagaimana ianya dapat menikmati perniagaan yang akan tumbuh hasil daripada pembangunan yang saya sebutkan tadi.

KOMPONEN KERETA NASIONAL - PERATUS DIIMPORT

10. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa peratuskah komponen kereta-kereta nasional yang masih lagi diimport dari negara luar berdasarkan:-

- (a) dari segi jumlah komponen sesebuah kereta; dan
- (b) dari segi jumlah kos pengeluaran sesebuah kereta dan apakah rancangan pihak Proton untuk mengeluarkan sendiri komponen-komponen berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, tahap pencapaian peratus komponen tempatan bagi tiap-tiap model kereta Proton sehingga kini secara purata adalah seperti berikut; model Iswara ialah tidak kurang daripada 89%, model Wira ialah tidak kurang daripada 86%, model Perdana ialah tidak kurang daripada 56% dan model Satria ialah tidak kurang daripada 54%. Manakala bagi model Perodua Kancil pula pencapaiannya ialah tidak kurang daripada 52%. Pencapaian ini membanggakan sekiranya dibandingkan dengan hanya 30% komponen tempatan digunakan semasa model-model tersebut mula dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jumlah kos pengeluaran, nilai pengeluaran tempatan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan nisbah bilangan komponen tempatan. Ianya dianggarkan tidak kurang daripada 50% daripada nilai kos pengeluaran sesebuah kereta. Di antara sebab yang memberi kesan kepada pengurangan sumbangan nilai tempatan dari segi kos pengeluaran adalah seperti berikut; pertamanya beberapa komponen child parts, dengan izin

dan komponen-komponen kritikal yang digunakan untuk mengeluarkan komponen-komponen tempatan masih lagi diimport oleh sebab ianya masih belum dikeluarkan dalam negeri.

Kedua, urusan pengimportan komponen dibuat dalam mata wang Yen dan dengan berlakunya peningkatan tukaran nilai Yen secara langsung jumlah kos kepada komponen-komponen yang diimport meningkat dan ini mengurangkan sumbangan komponen tempatan dari segi jumlah kos pengeluaran.

Ketiga, jumlah pengeluaran kereta-kereta nasional pada masa ini adalah kecil bagi memberi faedah kepada pengeluar-pengeluar komponen tempatan menikmati dengan izin, economic of scales dan beroperasi secara lebih efisien untuk membekal komponen dengan harga yang setaraf dengan harga-harga import. Untuk memastikan kereta nasional mencapai harga jualan yang kompetitif, komponen yang lebih murah masih perlu diimport.

Melalui peningkatan jumlah pengeluaran kereta nasional ke tahap 500,000 unit menjelang tahun 2000, adalah diharapkan pengeluaran komponen tempatan akan mencapai economic of scales, dengan izin. Dengan demikian, adalah dijangkakan nilai sumbangan komponen tempatan kepada jumlah kos pengeluaran sesebuah kereta akan meningkat. Malahan adalah dijangkakan juga yang industri komponen tempatan dapat juga menembusi pasaran eksport.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi bahawa nilai pengeluaran yang ada sekarang ini kurang daripada 50%. Baru-baru ini pula Ketua Eksekutif Proton telah pun memberi amaran kepada vendor-vendor ataupun pembekal-pembekal aksesori khasnya pembekal bumiputera supaya mengurangkan kos pengeluaran, kalau tidak Proton akan mengimport aksesori ini dari luar negara. Adakah ini tidak bercanggah dengan dasar dan hasrat kerajaan untuk mengembangkan industri-industri kecil ataupun industri-industri sederhana? Atau adakah kerajaan sepatutnya memberikan masa yang lebih kepada industri-industri kecil ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Proton merupakan syarikat kereta nasional, ianya juga adalah sebuah syarikat awam yang tertakluk kepada keperluan dan juga keadaan pasaran. Kerajaan tidak mahu terlalu campur tangan dalam perniagaan kecuali apabila keadaan memerlukannya.

Proton mestilah juga mengutamakan keupayaannya untuk bersaing di pasaran dalam dan juga di luar negeri dan kerajaan percaya bahawa sekiranya Proton ingin bersaing dengan harga yang paling kompetitif, harga-harga komponen yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan harus juga yang termurah dan berkualiti supaya tidak menjejaskan daya saingan Proton. Ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak mengambil berat mengenai industri-

industri kecil dan sederhana sebagai industri sokongan kepada industri kereta ini dan atas keprihatinan dan kepekaan kerajaan ini maka telah pun wujud Lembaga Pembangunan IKS dan adalah diharapkan bahawa dengan wujudnya perbadanan ini kita boleh lebih fokus dan tumpuan yang secara langsung dapat diberikan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Tetapi, kita harus menerima hakikat sekiranya harga yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan masih lagi tinggi, ini tidak mungkin membenarkan Proton bersaing di arena antarabangsa.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, apakah jawapan pihak kerajaan terhadap dakwaan seorang Ahli Pembangkang yang disiarkan di dalam akhbar negara jiran baru-baru ini bahawa projek kereta nasional menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja manakala negara yang membekalkan komponen-komponen itu mengaut keuntungan yang besar? Adakah benar dakwaan itu?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan dasar, pendekatan yang diberi bukan sahaja untuk menghasilkan kereta nasional atau memaksa sesiapa membeli kereta-kereta tempatan ini tetapi adalah dasar dan hasrat kerajaan bahawa kita berusaha untuk memesatkan lagi pembangunan industri ini dan juga untuk memperhebatkan lagi pembekalan komponen dan peralatan kenderaan tempatan agar dapat menyokong dasar-dasar industri kerajaan. Maka, kita pada peringkat ini seperti yang saya

sebutkan tadi dari segi tahap pencapaian komponen-komponen tempatan, kita begitu bangga dan memang berpuashati dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan secara keseluruhannya.

PENGANGKUTAN AWAM - KAJIAN MENYELURUH

11. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat kajian menyeluruh masalah pengangkutan awam di setiap negeri, jika ya:-

- (a) adakah pindaan itu yang turut melibatkan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan apakah tujuannya; dan
- (b) adakah pihak kementerian akan menetapkan peraturan lebih ketat di dalam pemberian permit bas dan teksi.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamad]:

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan memang dari semasa ke semasa menjalankan kajian mengenai pengangkutan awam khususnya kenderaan perdagangan. Kajian ini ada dua jenis, yang pertama umum, yang keduanya spesifik.

Yang umum meliputi perkara-perkara dasar yang melibatkan kesemua jenis kenderaan perdagangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah melantik pihak Universiti Sains Malaysia pada 1hb. Mei tahun lalu untuk menjalankan satu kajian menyeluruh hingga 30hb. Oktober tahun ini bagi meliputi kesemua jenis kelas kenderaan perdagangan dalam negara kita.

Selain daripada kajian umum, pihak kementerian juga meminta pihak tertentu khususnya pihak Institut Teknologi Mara menjalankan kajian. Baru-baru ini pihak ITM membantu kementerian menjalankan kajian berkaitan dengan bas sekolah. Pihak kementerian juga, pegawai-pegawai kita dari semasa ke semasa menjalankan kajian termasuklah mengenai perkhidmatan bas mini dan beberapa perkhidmatan yang lain. Hasil kajian ini telah memberi input kepada kementerian termasuklah dari segi dasarnya dan juga dari segi pelaksanaannya.

Dari segi dasar, antara lain kita sedang merangka dasar-dasar tertentu untuk memastikan industri kenderaan perdagangan ini dapat berjalan dengan baik. Dari segi penguatkuasaannya (enforcement), kita sedang merangka peraturan-peraturan yang lebih ketat untuk memastikan bahawa syarat-syarat yang dikenakan kepada pemilik-pemilik permit dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan (b) berkaitan dengan peraturan pemberian permit bas dan teksi tidak berbangkit pada masa ini kerana sejak bulan Jun tahun lepas, pihak kementerian telah pun membekukan pengeluaran permit-permit teksi dan bas di seluruh negara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya kepada pihak kerajaan adakah sistem yang sedia ada sekarang ini bagi memberikan permit-permit teksi kepada syarikat-syarikat besar telah pun memperhambakan pemandu-pemandu yang lama dan

berpengalaman tetapi tidak diberi permit teksi ini dan mereka ini seolah-olah terikat dengan syarikat-syarikat besar ini dengan membayar wang pendahuluan lebih kurang RM5,000 dan seterusnya segala perkhidmatan "maintenance"nya juga terpaksa mereka tanggung dan ini membebankan mereka sehinggakan rungutan pemandu-pemandu ini terhadap pihak kerajaan amat berleluasa sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah soalan itu berkait ataupun terkeluar sedikit?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ada sedikit sahaja.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ada sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Memanglah kerajaan sedar bahawa terdapat kelemahan dalam sistem yang sedia ada termasuklah kalangan pemandu (driver) yang mengkritik kerajaan mengenai permit-permit ini diberikan kepada pihak-pihak yang tertentu. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh kerajaan, didapati bahawa 79% daripada permit-permit teksi yang dikeluarkan adalah dipajakkan kepada pihak-pihak lain dan ini membebankan pemandu. Apabila permit dipajak bermakna pemegang permit mendapat keuntungan atas angin dengan mengenakan sewa dan ini seterusnya menekan para pemandu, kerana yang berlaku ialah para pemandu terpaksa membayar sewa yang tinggi.

Kerajaan sedang mengkaji perkara ini secara keseluruhan dan kerajaan sedar ada kelemahan di dalam sistem yang sedia ada. Oleh itu, sejak Jun yang lalu sudah hampir setahun kita membekukan pengeluaran permit-permit teksi yang baru untuk membolehkan kerajaan mengkaji perkara ini secara keseluruhan. Walau apa pun ingin kita maklumkan bahawa bagi Kuala Lumpur dan pekan-pekan besar, jika pembekuan ditarik balik, maka permit-permit teksi mungkin akan diberikan kepada syarikat-syarikat besar, tetapi dengan peraturan dan syarat-syarat yang akan dikuatkuasakan, bermakna kita tidak akan mengizinkan mereka memajak teksi ini. Dalam pada itu ingin ditekankan bahawa bagi perkhidmatan lain khususnya bagi kereta sewa di luar bandar, individu masih lagi dibenarkan untuk memohon permit-permit ini, tetapi pada masa ini tidak berbangkit kerana ia masih lagi dibekukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan terus sampai ke jam 3.53 petang, kerana kita bermula agak lambat sedikit tadi. Silakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan dan juga soalan berhubung dengan perkara tersebut yang menyentuh berkenaan dengan kajian menyeluruh masalah pengangkutan awam.

Baru-baru ini kita dapati ada berlaku sedikit kekecohan di antara pihak JPJ dengan orang awam di musim perayaan dan bagi pihak kerajaan, peristiwa

seperti ini adalah amat memalukan, kerana kebanyakan orang-orang yang terlibat itu membayar duit untuk membeli tiket. Jadi, apa pandangan kerajaan terhadap perkara ini, adakah kerajaan memandang serius berhubung dengan perkara ini kerana tiket itu dicetak dengan JPJ?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terang, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Pihak Kementerian Pengangkutan telah pun membuat pengumuman bahawa siasatan sedang berjalan dalam sedikit masa lagi, hasil siasatan itu akan diumumkan iaitu berkaitan dengan sedikit kekecohan yang berlaku semasa musim perayaan Hari Raya Haji baru-baru ini.

KEMPEN KEIBUBAAPAN CEMERLANG - PENDEKATAN KEMENTERIAN

12. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah pendekatan pihak kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di dalam menjayakan kempen keibubapaan cemerlang bagi masyarakat Malaysia; dan
- (b) apakah langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang kementerian untuk mengatasi masalah tekanan emosi dan tindakan di luar tabii manusia yang membawa kepada kes penderaan yang berleluasa masa kini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan**Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam menjayakan kempen keibubapaan cemerlang bagi masyarakat Malaysia adalah berteraskan pendekatan promosi, penggalakan dan pembangunan. Pada tahun 1993, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merangka satu Modul Keibubapaan dan program latihan telah dijalankan bagi jurulatih-jurulatih agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) serta masyarakat umum.

Hari Keluarga Kebangsaan yang telah disambut sejak tahun 1990 lagi juga merupakan satu pendekatan utama bagi mempromosikan aspek-aspek kekeluargaan khususnya mengenai keibubapaan cemerlang. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti promosi dilakukan juga melalui penerbitan-penerbitan seperti risalah, majalah, buletin dan sebagainya untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai caragaya keibubapaan yang berkesan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kebanyakan kes penderaan, didapati bahawa penderaan berlaku di mana penjaga menghadapi tekanan hidup disebabkan perbalahan keluarga atau ketegangan suasana rumahtangga; pertelingkahan-pertelingkahan yang sering berlaku di antara suami isteri; kesihatan jiwa ibu/bapa yang terganggu atau peribadi ibu/bapa yang lemah dan keciciran dalam arus kemajuan masyarakat sekeliling. Oleh yang demikian, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah pun mengambil langkah-langkah tertentu dalam menyedarkan masyarakat tentang isu-isu kesejahteraan keluarga dengan menganjurkan program-program seperti berikut:

- (i) Gerakan Keluarga Bahagia;
- (ii) perayaan Hari Keluarga Kebangsaan setiap tahun dengan tujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan sebagai usaha memupuk dan menentukan kesejahteraan hidup berkeluarga, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dalam

menentukan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam sesuatu keluarga.

- (iii) penubuhan Pasukan Perlindung Kanak-kanak di setiap daerah supaya ahli-ahli masyarakat boleh menyumbang tenaganya dalam program-program membateras penderaan kanak-kanak di peringkat komunitinya;
- (iv) penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-kanak supaya masyarakat tempatan memberi perkhidmatan sokongan dan menyertai program-program untuk kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi;
- (v) khidmat bimbingan dan nasihat;
- (vi) penyelidikan-penyelidikan;
- (vii) ceramah, dialog, kursus dan bengkel; dan
- (ix) modul komunikasi pendidikan keluarga berkualiti.

Manakala langkah jangka panjang pula adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan Pelan Tindakan Keluarga Kebangsaan yang bertujuan memperkukuhkan institusi keluarga dalam menghadapi cabaran masa kini terutama untuk mencapai Wawasan 2020. Di antara perkara yang dibincangkan ialah dari aspek keluarga dan komunikasi kekeluargaan. Pengetahuan kekeluargaan dan

keibubapaan, keluarga dan keperluan dari aspek moral dan etika, keprihatinan masyarakat dalam hubungan sosial kekeluargaan serta keluarga dan integrasi sosial, keluarga dan pembentukan norma dan nilai; dan

- (ii) mewujudkan dan menguatkuasakan Akta-akta berikut:
 - (a) Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991
 - (b) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1993
(Pindaan 1987)
 - (c) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan 1984)
 - (d) Akta Keganasan Rumahtangga 1994
 - (e) Kanun Acara Jenayah.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika minta maaf ya, nampaknya waktu sudah sampai.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mendengar tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang program-program dijalankan oleh pihak kementerian begitu banyak dan ada program jangka panjang dan ada program jangka pendek. Tetapi saya merasakan bahawa kumpulan sasar pihak kementerian begitu dengan luas, adakah pihak kementerian akan memberi

penumpuan kepada golongan remaja dan belia yang akan mendirikan rumah tangga supaya mereka ini diberi didikan dan juga diberi asuhan untuk menjadi ibu bapa yang cemerlang. Adakah terdapat dalam perancangan dan program kementerian, sekiranya ada bagaimanakah kementerian akan melaksanakan hasrat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh singkatkan sedikit, jawapan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ada? *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Kalau mengikut apa yang saya telah jawabkan dengan panjang lebar, saya rasa remaja yang akan berkahwin memang masuk sekali dalam satu keluarga, sama ada semasa dia masih muda apatah lagi waktu dia hendak berkahwin. Jadi, semua ini memang termasuk semua. *[Ketawa]* Ertinya memang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk jawab mulut.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 31 akan dijilid dalam buku yang berasingan].

USUL-USUL**JALAN MASUK KE PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan,

“Bahawa Majlis ini memerintah Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini. Dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini memerintah Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke

Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini. Dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG.**

3.55 ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya Itam Wali bin Nawan mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Negara dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kesembilan.”

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa bangga dan kagum di atas keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap perkembangan yang berlaku di negeri ini. Kami sebagai rakyat ke bawah Duli Tuanku merasa amat bertuah kerana mempunyai seorang raja yang sentiasa mengambil berat tentang rakyat negara ini dan juga sentiasa meneliti perkembangan pembangunan serta kemajuan pentadbiran kerajaan. Pandangan dan nasihat yang Duli Tuanku titahkan itu akan kami junjung dan jayakan demi membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara ini.

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh segenap aspek pencapaian negara yang sangat memberangsangkan. Malah masyarakat dunia turut memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan pencapaian negara ini baik dari segi ekonomi, politik sosial dan perhubungan antarabangsa. Walau apa pun, secara relatifnya negara kita kecil dan masih muda, tetapi kini kita telah mendapat perhatian dan penghargaan di peringkat antarabangsa kerana sumbangan kita kepada memperjuangkan keamanan dunia. Satu ketika dahulu, suara kita jarang diberikan perhatian, tetapi kini pandangan dan pendapat kita sentiasa dinanti-nantikan.

Kita semua yakin pencapaian kita ini adalah dengan izin dan kehendak Tuhan Yang Maha Pengasih serta Penyayang yang sudah melimpahkan rahmatnya kepada negara ini. Tuhan telah memberikan rahmatNya kepada pemimpin-pemimpin negara ini yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi. Kerana pimpinan Perdana Menteri yang tegas, prihatin dan berwawasan, walaupun menghadapi berbagai-bagai cabaran dan halangan, negara kita tetap dapat melangkah ke hadapan dengan yakin, meningkatkan kemajuan ekonominya, membangunkan rakyatnya, menyuburkan keharmonian di antara warganya. Melalui pencapaian ini, kepimpinan kerajaan yang ada telah dapat memantapkan, memartabatkan maruah bangsa dan negara Malaysia di mata dunia.

Beban yang dipikul oleh kepimpinan negara ini bukan satu tanggungjawab yang mudah. Tidak ramai pemimpin negara lain yang dapat mencapai kecemerlangan seperti yang kita nikmati. Kerana itu, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya bersyukur kepada Tuhan kerana telah diberikan kita kejayaan dan memohon supaya pemimpin kita ini terus diberikan kekuatan untuk memperkukuhkan pembinaan bangsa Malaysia yang berjaya dan disegani dunia.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mengucapkan syabas kepada Timbalan Menteri Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia yang telah berjaya menyusun dan mengawal dasar kewangan negara yang telah

memulihkan ekonomi dan pembangunan negara ini berkembang dengan licin dan lancar. Kerana kebjaksanaan beliau menyusun dan mengawal dasar kewangan negara, baru-baru ini beliau telah dianugerahkan Doctorate in Human Letter oleh Epinew Manila University semasa persidangan ASEAN pada 2hb. Mei, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Itam Wali, tolong berhenti sekejap. Saya minta berhenti sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Pengiktirafan ini bukan sahaja merupakan sanjungan khusus kepada kemampuan beliau menguruskan dasar kewangan negara secara bijak, tetapi umumnya ia merupakan pengiktirafan kepada Kerajaan Malaysia yang telah berjaya menggerak pertumbuhan pesat ekonomi negara. Kepesatan pertumbuhan ekonomi ini dapat kita capai kerana wujudnya sebuah kerajaan yang stabil dan prihatin kepada kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dewan yang mulia ini kerana telah memberi kehormatan kepada saya untuk menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih ini. Pada hemat saya, saat ini adalah saat yang paling bersejarah kepada saya, kerana barangkali inilah julung-julung kalinya dalam sejarah negara Malaysia ini seorang Senator yang mewakili masyarakat Orang Asli negara ini diberi kesempatan menyembahkan Ucapan Menjunjung Kasih.

Ini jelas sekali membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli di negara ini tidak didiskriminasikan atau dikesampingkan dalam pentadbiran negara.

Walaupun masyarakat Orang Asli adalah masyarakat minoriti dan sentiasa terpinggir, tetapi rasa setia, taat dan cintakan bumi bertuah ini tidak pernah berkurangan. Kerajaan tetap mengiktiraf bahawa masyarakat ini adalah penting untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengimbau kejayaan pencapaian negara, hendaknya janganlah kita segera merasa selesa dan leka, terus dibuai alpa, merasa puas hati dan tenggelam dalam lamunan bangga diri. Kita senang merasa puas dengan angka-angka yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Angka-angka ini tidak semestinya menggambarkan realiti yang sebenarnya kerana di sebalik angka-angka tersebut mungkin ada realiti yang lain pula. Kita dengan mudah menerima hakikat bahawa pada tahun 1995 yang lalu, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi bumiputera, misalnya, ialah RM1,600 telah meningkat sebanyak 9.3% berbanding dengan pendapatan bulanan purata pada tahun 1990 yang lalu.

Angka sebegini seolah-olah membayangkan satu kemakmuran yang menyeluruh telah kita capai. Marilah kita balik ke kampung pergi ke luar bandar juga ke kawasan-kawasan pedalaman dan kalau ada kesempatan meninjau pula ke kawasan-kawasan setinggan dan perhatikan realiti dan kebenaran yang ada. Barangkali di sana kita akan bertemu banyak penderitaan, banyak kemiskinan, banyak kesusahan dan banyak kekurangan kemudahan asas yang terus menjadi masalah menghimpit kehidupan masyarakat. Sikap

bergembira melihat kejayaan berasaskan angka-angka tidak akan menguntungkan sesiapa, malah kejayaan yang ada mungkin berkecai di hadapan kita bersama jika kita tidak terus berusaha. Seharusnya kita wajar meneliti seterusnya mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang ada lantas memperbaikinya supaya tidak ada rongga-rongga yang terbuka dan boleh membawa kepada cacat dan cela kejayaan yang kita capai selama ini.

Inilah yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia yang dimaktubkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, dedikasi dan komited untuk mencapai Wawasan 2020, kerajaan kita terus berusaha dan menjadikan kejayaan dan kemakmuran negara ini sebagai satu realiti untuk semua. Maksudnya tidak ada ahli masyarakat Malaysia ini yang terpinggir daripada menikmati kemakmuran dan keadilan ekonomi dalam pembangunan negara. Kita memang sedia maklum, kejayaan ekonomi yang kita capai selama ini adalah hasil daripada dasar dan program pembangunan yang digubal secara pragmatik dan dilaksanakan dengan berkesan oleh kerajaan. Kita juga akur bahawa hasil daripada Dasar Pembangunan ini kadar kemiskinan di negara ini telah menurun dan dijangkakan menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, kadar kemiskinan golongan termiskin akan hampir dapat dibasmikan sepenuhnya. Inilah yang kita harap dan usahakan.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan ucapan Menjunjung Kasih Ke-Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, izinkanlah saya menyentuh persoalan yang jarang sekali diberikan perhatian di Dewan yang mulia ini. Selaku seorang Senator yang mewakili lebih 90,000 Orang Asli di negara ini, saya ingin menyampaikan suara dan keresahan mereka kepada Dewan ini agar mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya dalam pembangunan yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Jika ini tidak saya sampaikan saya merasa gagal mengisi mandat dan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada saya.

Pertama sekali saya ingin menyentuh soal pentadbiran masyarakat Orang Asli. Pada masa dahulu, di zaman Mat Saleh, Mat Saleh menjadi tuan kita. Masyarakat Orang Asli ini sentiasa menjadi bahan kajian dan diuruskan oleh sebuah Jabatan Muzium di Taiping, Perak. Nampaknya pada masa itu masyarakat ini tidak lebih daripada bahan antik dan artifak sahaja sifatnya. Tidak ada usaha untuk membangun dan memajukan mereka. Dalam zaman darurat, pada tahun 1954 yang lalu ditubuhkan pula Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang diberi tugas melindungi masyarakat ini. Akta 134 - Akta Orang Asli digubal untuk dijadikan garis panduan bagaimana tugas melindungi ini dapat dilaksanakan. Status Orang Asli berubah daripada artifak muzium kepada kumpulan manusia yang dianggap boleh mengancam keselamatan negara. Orang Asli tiba-tiba menjadi penting, bukan sahaja tubuh badan, malah

hati dan semangat mereka mesti dimenangi dan diberi perlindungan supaya keselamatan negara terjamin. Untuk memperkukuh dan menjayakan usaha melindungi ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri apabila negeri ini mencapai kemerdekaan. Bila ancaman komunis telah tamat pada tahun 1989 yang lalu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dipindahkan pula ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Nampaknya kementerian ini pula rasa tidak seronok hendak tadbir Orang Asli ini, maka pada tahun 1994 yang lalu, Jabatan ini ditolak pula kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hinggalah ke hari ini. Ramai Orang Asli bertanya mengapa keadaan ini berlaku. Adakah kerana kerajaan tidak tahu hendak buat apa dengan mereka ini. Orang Asli mahukan pembangunan dan dengan itu mereka mahukan suatu kementerian yang boleh menerajui pembangunan untuk mereka secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini setelah hampir 39 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, masyarakat Orang Asli masih terus menjadi masyarakat terpinggir. Masyarakat Orang Asli masih terus hidup miskin dan terus menjadi masyarakat paling mundur di negara ini. Masyarakat Orang Asli mengharapkan keprihatinan kerajaan, bawalah perubahan dan kemajuan yang sewajarnya supaya masyarakat ini dapat menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara. Bawalah kemajuan dan perubahan supaya masyarakat

ini dapat menebus harga diri bagi membolehkan mereka menyertai masyarakat aliran perdana - duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi.

Telah lama benar mereka menunggu perubahan seperti yang dapat dicapai oleh masyarakat lain. Di harap Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan memberi perhatian istimewa dan serius menggerakkan pembangunan untuk masyarakat Orang Asli supaya menjelang Wawasan 2020, tidak ada lagi masyarakat terpinggir di bumi bertuah ini. Dalam menuju hasrat tersebut, pada hemat saya, sudah sampailah masanya kerajaan menilai semula kemampuan Jabatan Hal Ewah Orang Asli yang diberikan mandat mentadbir dan membangunkan masyarakat ini menjalankan tanggungjawab dan fungsinya secara berkesan.

Telah 42 tahun jabatan ini mengendalikan tanggungjawab yang berat ini secara bersendirian dan ratusan juta telah dibelanjakan, tetapi kejayaannya masih terlalu sederhana dan boleh dipersoalkan. Sehubungan dengan itu, dalam isu pentadbiran ini, persoalan tentang Akta 134 (Akta Orang Asli) juga perlu diberi perhatian. Akta tersebut digubal oleh penjajah pada masa dahulu sesuai untuk memenuhi kepentingan mereka. Apakah wajar kita terus menerima pakai Akta tersebut sehingga ke hari ini? Masyarakat Orang Asli merasakan akta tersebut lebih banyak mendatangkan kerugian kepada mereka daripada menguntungkan, malah ia lebih banyak menyekat pembangunan.

Kekdua, Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini didapati tinggal dalam lebih kurang 770 buah perkampungan di seluruh negeri, kecuali Pulau Pinang dan Perlis. Sebahagian besar daripada mereka ini tinggal di atas tanah yang tidak tentu statusnya. Boleh sahaja dengan mudah saya katakan bahawa 99.9% daripada masyarakat ini tidak memiliki hak milik tanah secara peribadi. Apalah nasib warga pri-bumi ini - menjadi penumpang sepanjang hayat dan mungkin sepanjang keturunan di buminya sendiri.

Saya mintalah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta kerajaan-kerajaan negeri, berilah perhatian yang serius kepada isu tanah yang dihadapi oleh masyarakat terpinggir ini. Saya mengharapkan Rancangan Malaysia Ketujuh ini menjadi rancangan pembangunan yang keramat kepada masyarakat Orang Asli yang membolehkan isu-isu ekonomi orang Asli ditangani sebaik mungkin.

Pentingnya tanah kepada masyarakat Orang Asli ini tidak boleh kita abaikan lagi. Pembangunan negara yang begitu pesat telah menerobos ke kawasan-kawasan tempat tinggal Orang Asli. Banyak tanah mereka telah diambil dan mereka dipindahkan pula ke kawasan lain untuk membolehkan pembangunan yang direncanakan untuk negara ini dilaksanakan. Sebagai contoh, pembangunan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) di Sepang, pembangunan Empangan Linggui di Johor, pembangunan Padang Golf di Sungai Buah dan Bukit Tunggul, Selangor, pembangunan Proton City di

Behrang, Perak, penswastan Bukit Lanjan, Selangor adalah beberapa projek kerajaan dan swasta yang telah melibatkan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Setiap kali tanah mereka diambil, mereka dipinggirkan ke tempat lain bukan dibawa bersama ke dalam arus pembangunan tersebut. Kehidupan mereka yang susah terus kekal menderita kerana mereka perlu berkorban untuk membolehkan negara maju dan membangun.

Saya berharap supaya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, satu pendekatan yang baru digunakan. Masyarakat Orang Asli mestilah dirangkumkan bersama ke dalam pembangunan yang direncanakan itu jika sekiranya projek tersebut melibatkan kawasan tempat mereka tinggal.

Untuk ini saya harapkan kementerian yang bertanggungjawab perlu menyusun satu dasar yang pragmatis yang boleh menyerap dan melibatkan Orang Asli secara aktif ke dalam projek pembangunan yang dirancangkan di kawasan mereka. Janganlah setiap kali pembangunan dibawa ke tempat mereka dan setiap kali jugalah mereka dipindahkan dan dipisahkan daripada pembangunan itu. Bilakah agaknya seruan mewujudkan pertaulanan baru seperti yang diperjuangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sempena sambutan Tahun Warga Peribumi pada tahun 1993 dahulu menjadi satu realiti.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya dan seterusnya saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan terima kasih kepada Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana mengambil alih

teraju pendidikan dan persekolahan masyarakat Orang Asli yang selama ini ditadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kita berdoa semoga satu perubahan yang positif akan berlaku kepada status pendidikan masyarakat Orang Asli selepas ini. Sekian lama ini, sejak dari tahun 1954 hinggalah ke tahun 1994 yang lalu, semua sekolah Orang Asli ditadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Sebagai sebuah jabatan yang kecil, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah berusaha sedaya mungkin membawa pendidikan kepada masyarakat Orang Asli. Tetapi kerana kemampuannya terhad walaupun selama 40 tahun, Jabatan Hal Ehwal Orang-Orang Asli mentadbir pendidikan dan persekolah Orang Asli, kesan pencapaiannya tidaklah boleh dibanggakan. Diharapkan kali ini dengan usaha gigih Yang Berhormat Menteri Pendidikan, masyarakat Orang Asli tidak akan terus menjadi terpinggir dalam pendidikan.

Kita sedar hanya pendidikan yang sempurna sahaja yang boleh membawa perubahan kepada segenap lapisan manusia. Tanpa pendidikan yang sempurna, sebuah masyarakat itu tidak akan mampu untuk membangun, bergerak maju dan menyumbang kepada pertumbuhan negara. Oleh itu, masyarakat Orang Asli berharap Yang Berhormat Dato' Seri tinjau-tinjaulah selalu ke sekolah-sekolah yang terdapat di kawasan pedalaman. Jenguk-jenguklah kemudahan yang ada, berilah perhatian yang lebih istimewa supaya

mereka dapat menebus semula kerugian masa 40 tahun dalam pendidikan yang telah dilalui, berikanlah pembelaan yang adil.

Sehubungan dengan itu, sebagai warga peribumi yang telah ketinggalan jauh di belakang dalam pembangunan negara, khususnya dalam pendidikan, kami berharap pihak Yang Berhormat Menteri tolonglah susunkan satu dasar atau satu strategi yang boleh meningkatkan martabat kaum Orang Asli dalam bidang pendidikan supaya setanding dengan masyarakat lain.

Pertama sekali, kami mohon berikanlah kelengkapan sekolah yang setanding dengan sekolah-sekolah lain. Sediakanlah sekolah ini dengan bangunan yang baru, kelengkapan yang mencukupi, bekalan elektrik, air, telefon, komputer dan segala alat-alat pengajaran dan pembelajaran yang lengkap. Adalah lebih membahagiakan kakitangan sekolah yang bertugas di kawasan perkampungan Orang Asli jika disediakan rumah tempat tinggal yang selesa supaya mereka dapat bertugas dengan baik. Hanya guru yang berpuas hati dengan suasana tempat kerja dapat menyumbang khidmat bakti yang cemerlang.

Di samping itu juga, untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang berminat untuk berkhidmat di sekolah Orang Asli, kita harap pihak kementerian berilah keutamaan untuk melatih anak-anak Orang Asli yang mempunyai kelayakan walaupun minimum untuk menjadi guru. Berilah kelonggaran syarat pengambilan kepada mereka. Kita faham hanya guru-guru dari kaum Orang

Asli sahaja yang merasa selesa bertugas di kampung Orang Asli. Ini penting kerana mereka tidak akan merasa asing dengan budaya dan persekitaran yang ada. Mereka juga lebih faham dengan masyarakatnya. Mereka juga pastinya mempunyai komitmen yang lebih tinggi untuk memajukan kaumnya sendiri, malah mereka boleh menjadi role model dan berupaya memotivasikan pelajar-pelajar itu sendiri. Untuk itu, pihak kementerian wajar memberi kuota kepada Orang Asli dalam pengambilan bakal-bakal guru pelatih.

Hari ini, kita lihat terlalu sedikit sekali anak-anak Orang Asli yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi. Ini kita tak hairan kerana pencapaian mereka kebanyakannya terlalu rendah untuk membolehkan mereka terpilih masuk ke pusat pengajian tinggi. Hal ini memang logik sebab anak-anak Orang Asli kurang sekali berpeluang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah yang baik, sementelahan itu pula, ibu bapa mereka miskin dan tidak mampu menyediakan kemudahan persekolahan dan pelajaran yang sempurna. Bagaimanakah mereka boleh menjadi pelajar yang cemerlang?

Namun ini tidak bererti mereka wajar dinafikan peluang pendidikan tinggi. Kita tahu setiap kaum di Malaysia ini diberikan kuota, tetapi untuk Orang Asli belum ada lagi. Mereka dirangkumkan sekali ke dalam kuota bumiputera lain. Ini bermakna mereka perlu setanding kalau tidak pun lebih baik untuk membolehkan mereka terpilih. Yang Berhormat Menteri tolonglah masyarakat yang daif ini dengan memberi positive discrimination kepada

mereka. Berikanlah suatu kuota khas yang munasabah kepada masyarakat ini. Saya yakin jika ini dilakukan, masyarakat ini akan dapat berganding bahu dengan masyarakat lain membangunkan Malaysia.

Inilah satu-satunya cara untuk memulihkan harga diri mereka dan memartabatkan mereka sebagai warga asal peribumi Malaysia. Mereka tak pinta banyak. Berikanlah pertimbangan dan laksanakanlah pertimbangan itu dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempatnya, saya ingin juga menyentuh tentang prasarana dan kemudahan asas yang terdapat di perkampungan Orang Asli. Hari ini walaupun negara kita telah maju sebahagian besar rakyat kita telah mendapat kemudahan asas yang agak memuaskan. Aspirasi pengisian kemerdekaan hampir terlaksana, namun kita jangan lupa sebahagian besar perkampungan Orang Asli di negara ini masih tidak lagi berpeluang menikmati kemudahan asas. Bagaimanakah masyarakat ini dapat meningkat kualiti hidupnya. Bagaimanakah mereka ini tidak terus mundur dan terpinggir jika kita tidak mampu menyediakan kemudahan asas untuk mereka membangun.

Mereka juga dahagakan kenikmatan ini, mereka juga ingin jadi macam masyarakat lain, apakah kita mahu mereka terus jadi penonton kemajuan sahaja? Saya harap agensi-agensi yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air serta telefon, berilah perhatian yang berat kepada isu ini. Kerajaan negeri dan majlis daerah

janganlah sisihkan mereka daripada menikmati kemajuan, kemakmuran negara ini. Logik kita, mahupun logik agama sentiasa menegaskan berilah pertolongan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Jangan biarkan mereka terkapai-kapai mengharungi penderitaan di tengah-tengah kemewahan negara.

Kelima, sejak akhir-akhir ini, negara kita telah menjadi tumpuan pelancong. Berduyun-duyun penduduk dari luar negara dan penduduk-penduduk tempatan datang melawat tempat-tempat menarik dan berbelanja di sini. Beratus-ratus juta nilai tukaran wang asing mengalir ke dalam kantung negara kita. Syabas kepada Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik! Idea Dato' memikat pelancong datang ke sini terus membuah hasil. Masyarakat Malaysia bangga dengan kejayaan Yang Berhormat Dato' memperkenalkan negara ini sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik.

Salah satu daripada tarikan yang ditonjolkan ialah kewujudan manusia yang dinamakan Orang Asli yang terdapat di negara ini. Kepada pelancong ini, diketengahkan kawasan Orang Asli yang baik dilawati juga budaya Orang Asli yang dianggap unik serta ciri-ciri fizikal mereka yang dianggap menarik. Cuma kita pinta kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, janganlah sekadar menjadikan mereka sebagai artifak dan bahan untuk tontonan pelancong demi membolehkan industri itu mengaut keuntungan berjuta ringgit. Libatkanlah Orang Asli secara yang lebih bererti supaya

perkembangan industri ini turut membolehkan masyarakat ini meraih keuntungan.

Jadikanlah masyarakat ini sebagai taulan dalam industri tersebut. Saya harap satu strategi yang lebih positif dapat digubal oleh kementerian berkenaan dan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai salah satu daripada usaha yang serius untuk mengeluarkan masyarakat ini daripada belunggu kemiskinan. Sehubungan dengan ini juga, saya berharap apabila sebuah kawasan Orang Asli dibangunkan untuk tujuan pelancongan seperti di Tasek Chini di Pahang, Sungai Tiang di Perak, Bukit Lagong di Gombak, Selangor dan juga di tempat-tempat lain, bukalah peluang-peluang ekonomi dan perniagaan untuk mereka yang terlibat di situ supaya mereka dapat turut bersama berkembang dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, keenam, seterusnya saya ingin membicarakan tentang rancangan pengumpulan semula iaitu sebuah rancangan pembangunan tanah di kalangan Orang Asli (RPS). RPS ini paling dekat dengan hati saya sebab persoalan mengenainya telah saya pilih satu ketika dulu untuk saya jadikan tajuk tesis saya semasa saya menyelesaikan Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan. Mengikut blue print terdapat 25 buah projek sedemikian di seluruh Malaysia. Usaha memperkenalkan RPS sebagai satu projek pembangunan insitu telah dimulakan pada tahun 1979 yang lalu, maka terdapatlah projek-projek RPS seperti RPS Petau, RPS di Air Banun, RPS di

Air Kala, RPS Kemar, RPS Kuala Betis, RPS Runcang, RPS Kedaik dan lain-lain lagi. Berjuta-juta ringgit telah dilaburkan oleh kerajaan untuk membangunkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat Orang Asli. Perancangannya amat cantik sebab hasratnya juga amat murni kerana ia datang daripada sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat. Saya mintalah kementerian yang terbabit nilai-nilailah sama ada wang yang telah berjuta dilaburkan itu berjaya mencapai matlamatnya meningkatkan kualiti hidup dan kemakmuran ekonomi masyarakat Orang Asli. Janganlah wang habis tetapi masyarakat Orang Asli terus menderita dan kekal dalam kemiskinan. Hasrat dan cita-cita kerajaan tidak kesampaian malahan kerajaan pula yang akan dituduh sebagai tidak efisien.

Kita tahu ada di RPS ini masyarakat Orang Asli tidak digalakkan menoreh getah yang ditanam untuk membangunkan ekonomi mereka, sebaliknya pendatang asing yang diberikan peluang bekerja di situ. Orang Asli hanya diberikan dividen yang tidak seberapa dan tidak menentu pula masanya. Juga masih ada RPS yang tidak memajukan projek ekonominya dan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli terus bergantung kepada sumber hutan untuk menyara kehidupan mereka. Dalam keghairahan membangunkan Orang Asli di RPS ini ada juga kes di mana kelapa sawit telah ditanam beratus-ratus ekar luasnya tetapi cara membawa hasilnya keluar tidak disediakan. Ke tempat ini tidak ada jalan raya disediakan. Sistem perhubungan yang ada hanyalah

melalui bot. Bagaimanalah agaknya nanti Orang Asli ini memasarkan buah kelapa sawit. Perancangan begini nampaknya tidaklah berapa kena. Kita berikan pembangunan pertanian dengan harapan hasilnya boleh dimanfaatkan oleh masyarakat sasar. Pihak yang berwajib dalam hal ini diharap dapat tengok-tengoklah hal ini, jangan sampai ia menyusah dan mengecewakan masyarakat yang terlibat.

Ketujuh, satu perkara yang amat jelas dalam memantapkan sistem demokrasi di negara kita ini dan wajar diberikan pertimbangan yang serius oleh kerajaan sekarang ialah untuk membolehkan suara masyarakat ini didengar. Sebaiknya jangan biarkan parti-parti pembangkang atau NGO sahaja menjadi jurucakap mereka. Mereka ini mungkin ada kepentingan lain. Bagi mereka, yang penting bukan Orang Asli tetapi mereka hendak jadi hero di mata dunia. Kejadian begini sudah pun berlaku di Sarawak seperti yang dilakukan oleh Bruno Menser.

Untuk ini saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya melantik Orang Asli sendiri untuk mewakili masyarakat mereka di peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan. Dengan cara begini suara mereka dan masalah mereka dapat disampaikan tanpa memberi peluang kepada orang lain untuk menjadi hero, malah dengan cara begini membolehkan Orang Asli turut terlibat secara aktif dalam merangka dasar untuk membangunkan masyarakat mereka sendiri. Saya fikir hanya Orang Asli sahaja yang benar-benar memahami masalah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang ingin saya sampaikan ialah menyentuh masalah sosial yang bukan sahaja berlaku dalam masyarakat umum, malah turut melibatkan masyarakat Orang Asli. Masalah-masalah ini telah membebankan kerajaan dari segi wang ringgit, tenaga dan perancangan. Antara masalah tersebut ialah penglibatan masyarakat ini dalam kegiatan minum arak. Ini bukan sahaja mengganggu kesihatan mereka, menimbulkan masalah rumah tangga, malah menghimpit hidup mereka yang sememangnya daif. Satu langkah mendidik dan menyedarkan mereka tentang perbuatan yang sia-sia ini wajar dilaksanakan segera. Kegiatan sesetengah peniaga yang sengaja mempromosikan minuman keras ini ke dalam masyarakat Orang Asli patut mengambil tindakan. Pegawai-pegawai yang menjaga hal kebajikan Orang Asli wajar prihatin dengan perkembangan ini.

Selain daripada masalah minum arak kegiatan pendatang tanpa izin mengambil kesempatan berkahwin dengan wanita Orang Asli kerana tujuan-tujuan yang tidak baik perlu juga diberi perhatian. Kita tidak mahu perbuatan yang demikian nanti menimbulkan kesan yang negatif kepada masyarakat ini. Apakah status anak yang dilahirkan nanti. Adakah mereka ini nanti diiktiraf sebagai warganegara ini? Adakah anak ini juga mendapat hak seperti Orang Asli yang lain? Semua ini nanti akan menimbulkan masalah kepada kerajaan.

Masalah seterusnya ialah masalah pengangguran. Sebenarnya ada banyak tenaga kerja di kalangan masyarakat Orang Asli ini yang tidak

digunakan sepenuhnya. Mereka hanya membuat kerja-kerja sambilan yang pelbagai macam untuk membolehkan mereka terus menyara hidup. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengenal pasti golongan ini dan merangka suatu dasar untuk memberikan mereka latihan dan peluang-peluang pekerjaan supaya tenaga mereka dapat dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi negara. Setidak-tidaknya, jika ini dilakukan kita bukan sahaja dapat mengurangkan kadar pengangguran di kalangan Orang Asli tetapi dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Malah keperluan kita kepada tenaga asing juga dapat dikurangkan. Dan yang paling penting sekali hasrat kerajaan untuk membawa mereka bersama ke dalam masyarakat aliran perdana akan terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan menjunjung kasih ini, saya dengan merasa rendah diri dan penuh takzim memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini seandainya dalam ucapan tadi terdapat keterlanjuran kata dan terkasar bahasa. Saya sekali lagi dengan segala rendah hati mengemukakan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Ng See Tiong.

4.30 ptg.

Tuan Ng See Tiong: Salam bahagia dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk menyokong dalam perbahasan Usul

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara penggerak utama di rantau ini. Suara kita yang lantang di peringkat antarabangsa, pencapaian ekonomi, kestabilan politik dan sosial telah berjaya mendapat perhatian antarabangsa dalam masa yang singkat. Siapa yang tidak kenal Malaysia? Kejayaan ini telah membuktikan bahawa kefahaman dan perpaduan di antara semua kaum dan parti memerintah Wawasan 2020 yang menjadi panduan untuk rakyat hidup dan sama-sama berusaha bagi masa depan yang cerah.

Perubahan daripada pertanian kepada sektor berasaskan teknologi tinggi dan pertumbuhan ekonomi negara kita yang mencatat pertumbuhan pada purata 8% selama 8 tahun berturut-turut. Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan dan sukar dinikmati oleh negara lain termasuk negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat ekonomi negara kita telah mengubah wajah persekitaran dan bentuk untuk pattern kehidupan rakyat secara perlahan kerana peluang-peluang ekonomi yang wujud di bandar telah secara langsung dan secara tidak langsung menjadi faktor penarik bagi penduduk-penduduk kampung, kampung-kampung baru dan luar bandar untuk sama-sama merebut peluang ekonomi yang ada. Acuan kehidupan di luar bandar kini bertukar kepada acuan baru yang akhirnya memusnahkan institusi keluarga. Ini telah menimbulkan masalah sosial yang serius.

Saya percaya bahawa kerajaan sedar keadaan ini dan telah mengambil langkah-langkah segera supaya memastikan bahawa perkembangan ekonomi tidak mengabaikan aspek sosial, sama ada di kampung-kampung, di kampung-kampung baru ataupun di luar bandar. Kerajaan tidak mengabaikan pembangunan luar bandar, khususnya untuk golongan rakyat miskin. Usaha untuk membasmi kemiskinan di luar bandar mesti berterusan. Kerajaan juga perlu memperhebatkan kegiatan perindustrian bagi menaikkan taraf hidup di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut sedar bahawa budaya luar, terutama sekali budaya Barat telah memberi kesan negatif terhadap masyarakat kita. Ini juga boleh menyebabkan kegagalan kesepakatan sosio-budaya. Oleh sebab yang demikian, kerajaan harus mengambil perhatian kerana keadaan yang seperti ini akan menjejaskan nilai budaya yang sebenarnya asing bagi masyarakat tempatan sebagai orang Timur.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, di Universiti Oxford, Malaysia tidak akan mengorbankan nilai moral dan budayanya dalam usaha menjadi negara maju menjelang 2020. Memang benar, kita tidak boleh mengubah aspek positif dalam masyarakat kita ketika kita berjuang untuk mencapai kemajuan. Kita mesti mengekalkan nilai moral dan budaya kita. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan nilai positif dan

mempertahankan rakyat daripada keruntuhan moral dan nilai etika melalui kempen dan ceramah mengenai perkara yang tidak dinilai lagi di Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa pendidikan memainkan peranan yang paling penting dalam proses pembangunan negara. Negara kita sedang membangun dan harus memerlukan satu sistem yang dinamik. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah yang positif untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada masyarakat Tionghua kerana segala bantuan yang diberi oleh mereka selama ini adalah secara sukarela. Mereka sentiasa membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China), walau bagaimanapun, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) ini masih menghadapi masalah seperti berikut:-

- (i) kekurangan guru bahasa Cina. Ini adalah satu masalah yang serius. Saya difahamkan bahawa hanya terdapat 17 buah maktab perguruan yang mengadakan kursus pengajaran bahasa Cina dan dukacita pula, sambutan pelajar pula tidak menggalakkan;
- (ii) kekurangan sekolah di taman-taman perumahan baru. Saya menyokong pembinaan sekolah wawasan di

taman-taman perumahan yang penduduknya berbilang kaum;

- (iii) kekurangan peruntukan untuk bangunan dan kelengkapan sekolah kerana bilangan murid telah meningkat dan banyak sekolah telah menghadapi kesesakan dan kekurangan bilik darjah.

Saya memohon jasa baik kerajaan dan Kementerian Pendidikan supaya mengambil langkah-langkah yang positif dan berkesan untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isu rumah haram dan kilang haram juga serius. Bila ada riuh rendah daripada masyarakat, maka pihak berkuasa akan mengambil perhatian dan isu ini akan gamat seketika dan tidak berapa lama, dengan secara automatik, ini akan tenggelam dan dilupakan. Sebaliknya, apabila perkara ini telah jadi sejuk, maka rumah-rumah haram akan kembali didirikan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kawasan yang didirikan rumah sekalipun di tempat-tempat strategik.

Pihak berkuasa tidak tegas menjalankan kerjanya kerana mereka hanya mengusir penghuni rumah haram yang bertimbang rasa, tetapi mereka rasa takut kepada penghuni yang garang dan tegas. Demikian juga berlaku dengan kilang haram yang beroperasi di tanah kerajaan ataupun tanah hak orang lain. Kerajaan harus menunjukkan ketegasan dalam tindak-tanduk mereka. Semua premis haram, sama ada rumah atau kilang tidak boleh dibenarkan beroperasi. Sebarang kelonggaran kepada sesuatu pihak akan diteladani oleh yang lain hingga menyulitkan projek pembangunan.

Saya harap dan yakin bahawa pihak kerajaan, baik di peringkat tempatan ataupun negeri sanggup mengambil tindakan yang tegas dan keras terhadap mana-mana pihak yang sewenang-wenangnya menggunakan tanah kerajaan atau hak orang lain tanpa kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pendatang tanpa izin membina rumah di tanah rizab kerajaan atau hutan simpan adalah dianggap penceroboh. Mereka perlu dihukum dan dihantar pulang ke negara asal. Menahan mereka di negara kita hanya menelan belanja yang tinggi dan merugikan. Mereka ini datang ke negara kita adalah umpama semut yang menghurung gula.

Saya juga difahamkan bahawa mereka juga dapat segala kemudahan seperti rawatan hospital, kemudahan anak-anak bersekolah, kemudahan jalan raya, bekalan elektrik dan air. Rakyat tempatan sendiri pun ada yang belum mendapat kemudahan tersebut. Kebanyakan mereka adalah kurang budi bahasa, kasar dan tidak menghormati budaya kita. Maka, apa akan jadi? Kehadiran mereka akan mengakibatkan kurang tenteram dan tidak selamat pada penduduk-penduduk tempatan. Jangan lupa, kemakmuran negara yang kita kecapai sekarang ini adalah hasil usaha dan hasil pengorbanan rakyat jelata.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6hb. Mei lepas merupakan rancangan pembangunan negara yang lebih realistik dan komprehensif. Rancangan ini juga memberi tumpuan seimbang dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Rancangan ini boleh dikatakan rancangan yang terakhir bagi abad ke-20 dan memerlukan kerjasama, usaha, komitmen setiap

rakyat untuk sama-sama menjayakannya. Saya percaya bahawa negara dan rakyat jelata akan lebih yakin untuk menghadapi cabaran yang lebih besar pada abad ke-21.

Sekian. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya pohon untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan."

Masalah dikemukakan kepada Majlis dan terbuka untuk dibahas.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

4.45 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahas Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang telah dibentangkan dan disokong oleh Yang Berhormat tadi.

Yang pertama sekali, saya ingin menyatakan perasaan peribadi saya iaitu di dalam majlis yang mulia ini, dalam masa kita membentangkan sesuatu Usul Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, banyak Ahli Dewan sudah meninggalkan tempat atau kosong dan ini menunjukkan bahawa tempat yang mulia ini sudah jadi tidak mulia ini dan pemerhatinya lebih ramai daripada orang yang sepatutnya mengambil bahagian. Ini suatu keadaan yang patut kita beri perhatian.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf juga kerana dalam Titah Ucapan ini walaupun kita boleh menyentuh banyak hal tetapi hal-hal yang berkaitan dengan isu sesuatu kaum ataupun sesuatu masalah sepatutnya kita bincangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti. Walau bagaimanapun, kita terima ucapan ini dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang kita boleh dapati dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang pertamanya berkenaan dengan masalah perpaduan kaum. Di dalam Titah Ucapan itu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh berkenaan dengan perpaduan kaum ini iaitu salah satu daripada sebab negara kita mencapai kemajuan ke tahap seperti hari ini adalah disebabkan kita telah

dapat hidup aman damai, bersatu padu di antara kaum. Faktor ini tidak harus dipandang ringan oleh rakyat Malaysia dan kita harus mengambil bahagian dan memberi kerjasama yang sepenuhnya di dalam usaha-usaha memupuk perpaduan kaum.

Oleh sebab itu, soal-soal yang boleh membawa kepada soal perpaduan kaum ini tidak harus dijadikan isu-isu yang boleh menjadi satu perkara kontroversi. Umpamanya bila kita adakan majlis-majlis tertentu, seelok-eloknya kita utamakan hal-hal yang berkait dengan kebudayaan dan juga bahasa yang menjadi perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan. Saya tidak mengatakan bahawa kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ini tidak boleh menggunakan bahasa masing-masing tetapi seharusnya keutamaan menggunakan Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi itu harus diberi keutamaan (priority).

Tuan Yang di-Pertua, satu hal lagi ialah perkara yang bersangkutan dengan kemudahan awam yang mana kita dapati akhir-akhir ini apabila kerajaan melaksanakan dasar penswastan, banyak hal yang berkait dengan kemudahan yang melibatkan rakyat miskin yang berpendapatan rendah dan sederhana semakin lama semakin nampak tersepit di tengah-tengah dan golongan yang mendapat manfaat daripada dasar penswastan itu adalah segelintir manusia sahaja. Ini suatu perkembangan yang saya rasa tidak begitu sihat pada masa-

masa yang akan datang lebih-lebih lagi dengan pelancaran Wawasan 2020 seperti yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam banyak hal seperti yang kita lihat sekarang, pihak kerajaan telah pun menswastakan Tenaga Nasional, Telekom, Bernas dan ada banyak lagi. Selepas itu pula kerajaan bercadang untuk menswastakan pendidikan tinggi. Memang kita mengalu-alukan, kita menggalakkan dasar penswastaan ini tetapi perkara yang tidak harus kita abaikan ialah kepentingan kepada orang awam di mana orang-orang awam apabila dasar penswastaan sudah tentu pihak-pihak yang kita beri tugas melaksanakan penswastaan ini akan hanya memikirkan dari segi keuntungan sahaja.

Satu perkara lagi dari segi pengagihan kontrak, satu lagi dari segi pengambilan pegawai-pegawai, petugas-petugas tentulah pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan penswastaan ini hanya akan memberi kepada pihak tertentu, terutamanya mereka tidak boleh elak daripada memilih kakitangan daripada keluarga mereka sahaja. Mereka tidak elak daripada mengagihkan kontrak-kontrak ini kepada orang-orang tertentu sahaja.

Perkara ini sudah tentu mengabaikan kemudahan awam dan juga tol jalan raya, kalau kita lihat pada hari ini pihak PLUS sudah pun mengemukakan cadangan untuk menaikkan tol. Jadi, kalau kita perhatikan semua syarikat yang telah diswastakan ini termasuk yang saya sebut tadi, apabila membentangkan penyata tahunan mereka, mereka telah membuat keuntungan yang begitu banyak, tetapi

mengapa mereka mengemukakan cadangan untuk menaikkan tol, menaikkan bayaran telefon, menaikkan bayaran elektrik dan sebagainya? Ini sudah tentu akan menjejaskan pembangunan dan juga kepentingan orang ramai.

Satu hal lagi yang ingin saya timbulkan di sini ialah berkenaan dengan dasar pendidikan yang mana melibatkan penswastaan. Kita berharap di dalam hal yang berkait dengan pendidikan, sekarang ini kita sudah mempunyai dasar yang cukup baik, cuma dari segi pelaksanaan sahaja. Apa yang saya maksudkan di sini ialah sistem persekolahan yang ada sekarang ini masih lagi kita menjuruskan mengikut kaum-kaum yang ada. Ini adalah satu perkembangan yang kurang sihat, sewajarnya kerajaan segerakan pelaksanaan sekolah yang bersepadu di bawah satu bumbung dan kita tidak harus melihat sekolah mengikut jenis-jenis yang ada pada masa sekarang ini. Seharusnya kita melihat dari segi sekolah rendah semuanya sekolah rendah, tidak ada jenis kebangsaan Cina, jenis kebangsaan Tamil dan sebut sekolah kebangsaan sahaja, bubuh nama lain. Sebab kalau identiti ini masih wujud, saya rasa ia tidak akan membawa satu manfaat. Kita tidak menghalang daripada mempelajari bahasa masing-masing. Kita tidak menghalang daripada mempelajari budaya masing-masing, tetapi identiti yang wujud itu mungkin boleh menghalang daripada kita usaha ke arah perpaduan.

Bersangkut dari segi pelaburan, perindustrian, memanglah sekarang ini banyak pengusaha dan pelabur luar datang ke negara kita dan melabur. Tetapi

dalam masa yang sama kalau kita lihat dalam masa soal jawab tadi, misalnya kereta nasional (Proton), sehingga hari ini kita berjaya mengeluarkan kereta nasional, tetapi harganya masih terikat dengan faktor-faktor luar dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkali-kali menyebut defisit perbelanjaan negara kita adalah disebabkan kerana kita masih mengimport banyak bahan daripada luar. Ini sudah tentu termasuk komponen-komponen seperti yang dijawab tadi, kerana kita masih lagi import daripada negara Jepun.

Kita tahu sekarang ini kedudukan mata wang dunia banyak bergantung kepada mata wang negara-negara yang sudah maju. Oleh sebab yang demikian, kalau kita berjaya membawa masuk teknologi daripada luar, kalau kita berjaya membawa masuk pelabur-pelabur daripada luar, maka kita mesti ada perancangan supaya komponen-komponen ini dibuat di dalam negara dan kita kurangkan mengimport bahan-bahan yang berteknologi tinggi ini. Adalah lebih baik kita membawa masuk teknologi dengan membawa masuk pelabur-pelabur ke negara kita, di mana kita boleh memperkembangkan lagi kemampuan kita dalam industri-industri tersebut.

Bersangkut dengan penerapan nilai-nilai Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini ada banyak perkara yang bercanggah dengan agama Islam masih lagi kita biar berlaku yang boleh dilihat atau dipandang secara umum. Misalannya perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan

dan juga gejala-gejala yang tidak sihat, yang disiarkan melalui mass-media yang masih lagi diiklankan di jalan-jalan.

Saya percaya perkara-perkara yang bercanggah dengan agama Islam bukan hanya tidak baik bagi umat Islam, malah dari segi moral kepada orang-orang lain yang bukan Islam pun memang ada kesan-kesan buruknya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan bersangkutan dengan penerapan nilai-nilai Islam ini, sekarang ini satu perkembangan yang amat sihat berlaku di mana majlis-majlis yang diadakan oleh orang-orang Islam, kita jemput orang-orang bukan Islam turut serta dan dengan ini orang-orang bukan Islam sama ada melalui TV atau mengikuti majlis-majlis ini dapat memahami apa sebenarnya yang berlaku di dalam Islam. Dengan demikian, mereka sendiri tahu bahawa Islam sebenarnya bukan musuh orang-orang yang beragama lain. Saya yakin penuh sekiranya perkara-perkara ini kita beri penekanan insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, lama-kelamaan orang-orang bukan Islam akan dapat menerima hakikat penekanan kerajaan dalam penerapan nilai-nilai Islam ini bukanlah suatu gejala yang akan memberi halangan kepada mereka untuk terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesihatan saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan ura-ura kerajaan hendak menswastakan hospital ini dan sekarang kita sudah mendapati banyak hospital swasta yang tumbuh di tiap-tiap negeri di seluruh negara.

Kita dapati soal kesihatan ini adalah suatu lagi hal yang saya nampak orang-orang biasa, orang-orang miskin akan turut menjadi mangsa. Sekarang ini keperluan kepada kualiti kesihatan menjadi suatu faktor yang sangat penting, lebih-lebih lagi bagi negara membangun seperti Malaysia ini. Oleh sebab itu sekiranya dasar penswastaaan ini hendak diteruskan termasuklah hospital ini, kerajaan perlu memastikan supaya perkhidmatan kesihatan ini dapat diberi dengan sebaik-baiknya kepada rakyat biasa. Kalau sekiranya digalakkan penswastaaan, maka sudah tentulah orang-orang yang berada sahaja akan mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan rakyat biasa hanya mendapat rawatan yang kurang memuaskan.

Menyentuh berkenaan dengan keadaan di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya berpendapat masih banyak lagi perkara yang kerajaan perlu lakukan iaitu apa yang disebut dalam Titah Ucapan, yang menyatakan teras kepada pendekatan dalam pembangunan manusia supaya penduduk luar bandar menjadi penduduk yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu dan berpegang kepada nilai etika yang murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh luar bandar ini bukanlah saya sebut berkenaan dengan orang Melayu sahaja, semua kaum yang ada di luar bandar. Kalau kita perhatikan pembangunan sekarang di bandar-bandar sekarang tidak banyak masalah, semuanya kemudahan seperti jalan, elektrik, sekolah sudah ada, cumanya dari segi orang-orang yang datang secara haram -

itu soal lain. Apa yang kita sebut perbandingan di antara kemudahan yang ada di dalam bandar dengan di luar bandar, oleh sebab itu perbandingan dari segi fizikal, dari segi peluang-peluang di antara orang luar bandar dengan orang dalam bandar di segi pelaburan, mengambil peluang dalam ekonomi sudah tentulah lebih banyak bezanya lagi. Oleh sebab itu kerajaan dalam kehairahan menjalankan pembangunan, membawa banyak pelabur ke dalam negeri ini hendaklah mencari jalan supaya pelabur-pelabur ini membina kilang-kilang mereka di kawasan luar bandar. Sebab kita tahu tidak ada tempat seperti Kuala Lumpur ini pun pada satu masa dahulu luar bandar juga, tetapi apabila kerajaan membangunkan Kuala Lumpur, mengadakan segala kemudahan, maka dia menjadi bandar. Oleh sebab itu, luar bandar tidak akan jadi luar bandar sekiranya kerajaan mengadakan perancangan untuk membangunkan kawasan itu.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa mungkin sudah lewat, saya mohon maaf sekali lagi kepada rakan-rakan seperti yang saya sebut tadi, seharusnya kalau kita diberi amanah untuk mengambil bahagian Dewan yang mulia ini. Sepatutnyalah kita perlu mengambil bahagian sepenuhnya, tidaklah seperti selepas berlaku perkara-perkara penting, selepas itu semuanya menjadi kosong. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, sila.

5.00 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan politik yang stabil dan perkembangan ekonomi negara kita yang progresif adalah satu kebanggaan negara dan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum, yang amat terkenal sebagai masyarakat yang bertoleransi dan mengamalkan budaya menghormati satu sama lain yang hidup dalam harmoni setiap masa. Keadaan stabil ini memberi peluang kepada rakyat dan kerajaan memberi perhatian sepenuhnya dalam usaha membangunkan dan memajukan negara kita dalam pelbagai bidang dalam menuju hasrat kita menjadikan Malaysia sebuah negara termaju menjelang Wawasan 2020.

Perkembangan sektor perkhidmatan dan infrastruktur sangat menggalakkan dan diperkemaskinikan dari semasa ke semasa dengan perkembangan arah teknologi universal. Kemajuan yang diwujudkan ini membuka lebih banyak ruang pembangunan yang baru. Untuk menikmati dengan sepenuhnya segala peluang keemasan yang terdapat, rakyat mestilah lebih aktif dan mengemaskinikan diri mereka dengan segala kemajuan sains dan teknologi yang lebih canggih dan, dengan izin, sophisticated. Dengan

kemajuan sistem komunikasi yang berteknologi tinggi, dengan izin, up-to-date, seperti Internet dan sebagainya, kita sedang mengalami satu revolusi dalam kemajuan sistem komunikasi kita. Kemajuan ini meletakkan taraf komunikasi kita pada tahap antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arus mengejar kemajuan ini, kita mestilah ingat dan belajar dari negara-negara maju yang lain masalah atau dilema sampingan yang dialami oleh semua negara-negara maju, iaitu masalah sosial yang baru dan canggih juga. Keadaan masalah sosial ini mesti dikenal pasti dan diberi perhatian dari semasa ke semasa supaya dapat dikawal. Dalam perkara ini, saya mesti memuji kerajaan kita yang amat sensitif mengenai keadaan ini dan telah mengadakan berbagai-bagai program dalam usaha menangi gejala-gejala sosial seperti dadah, lepak dan lain-lain, dengan program-program seperti Rakan Muda dan lain-lain lagi. Usaha-usaha untuk mengadakan program-program seperti ini mestilah dipergiatkan lagi kerana populasi kaum muda atau generasi baru yang biasanya terlibat dalam masalah-masalah ini sedang dan akan bertambah pada masa-masa akan datang.

Kemasukan budaya dan cara hidup negara-negara Barat yang kurang sesuai merupakan kesan sampingan yang dialami oleh semua negara yang menuju kemajuan. Kesan ini dapat dikurangkan dengan memperkembangkan lagi usaha-usaha menggalakkan pengamalan budaya-budaya tempatan dan ajaran-ajaran dan amalan agama. Gejala sosial dapat diatasi dengan

membentuk generasi baru kita lebih memandang ke Timur dan menghayati cara hidup dan budaya ketimuran yang lebih sesuai. Dalam hal ini, pendapat saya adalah tabiat saling menghormati kebudayaan dan agama satu sama lain adalah penting. Saya rasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Pendidikan perlu menambahkan aktiviti-aktiviti yang mewujudkan perpaduan dan persefahaman di antara berbilang kaum dan di kalangan generasi muda negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kaum wanita dalam segala bidang ekonomi sangat menggalakkan. Tetapi masih terdapat banyak sektor yang boleh diceburi seperti kejuruteraan angkasa dan udara. Kaum wanita merupakan golongan besar yang menyumbang dalam sektor pekerjaan industri. Mereka mestilah dipastikan diberikan insentif-insentif yang sepatutnya, dan kebajikan mereka juga mesti diberi perhatian. Masalah utama golongan wanita ini ialah untuk mencari tempat sesuai untuk menjaga anak-anak mereka. Adalah dicadangkan di sini kerajaan mempergiatkan lagi penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat-tempat kerja sama ada pejabat kerajaan atau swasta.

Peluang pendidikan di negara kita adalah sangat menggalakkan. Hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai satu pusat pendidikan di Asia mestilah diberi sambutan. Tetapi peluang pendidikan ini mestilah dipastikan sampai kepada seluruh pelusuk masyarakat, kerana pada masa ini masih

terdapat segelintir masyarakat yang kurang tahu atau sedar akan kepentingan pendidikan, dan ada pula yang tidak mampu untuk melanjutkan pendidikan mereka. Masyarakat yang kurang berpeluang ini mesti ditampilkan ke hadapan untuk bersama-sama menikmati kemajuan supaya tidak ketinggalan.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Usul di atas. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

Puan Kelsom bin Yaacub: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi.....

Tuan Ding Seling: Minta maaf. Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacub. Sorry. Sila teruskan.

5.05 ptg.

Puan Kelsom binti Yaacub: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih saya kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada 25hb. Mac, 1996 yang lalu. Saya merasa bangga di atas Titah Ucapan Diraja itu yang berjaya menyentuh pelbagai perkara yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mentadbir negara tercinta ini. Usaha-usaha kerajaan yang berterusan dalam membangunkan negara ini mengisi wawasan yang jelas untuk tampil sebagai

sebuah negara maju, menarik dan menguntungkan di Asia Tenggara dalam kelompok Asia amat membanggakan saya, baik melalui politik, ekonomi dan sosial yang dirancang dengan falsafah dan strategi yang khusus meyakinkan saya, terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya yang unggul dapat mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa dengan adanya dasar-dasar kerajaan yang adil dan menepati cita rasa rakyat jelata. Negara sudah pasti dapat menikmati kemakmuran jangka panjang, keamanan yang berkekalan dan kestabilan politik, perpaduan yang terus dimantapkan. Terutama tindakan-tindakan yang amat bijaksana, kepimpinan kerajaan dalam menangani isu-isu sosial yang berteraskan perpaduan rakyat dalam ekonomi, politik memasuki cabaran abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Diraja ada menyebut mengenai pendidikan prasekolah, yang mana dasar mengenainya sedang dirancang. Saya menyokong penuh atas rancangan ini untuk memastikan semua kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun dapat memasuki kelas-kelas prasekolah. Walaupun di sesebuah tempat atau kawasan itu hanya ada 10 orang pelajar sahaja. Saya dapat tahu kelas prasekolah anjuran KEMAS, jika tidak ada 20 orang pelajar berumur 5 dan 6 tahun, KEMAS tidak mahu membuka kelas, terutama di luar bandar. Jika amalan ini diteruskan, maka ramailah

penduduk luar bandar berhijrah dari kampung mereka untuk mendapatkan pendidikan bagi anak-anak mereka. Saya difahamkan, bagi kerajaan kini, di luar bandar dan pinggir bandar telah ada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengendalikannya. Di bandar dan pekan kecil telah ada Jabatan Perpaduan Negara mengendalikannya, di sekolah-sekolah pula telah ada kelas prasekolah sebumbung dengan sekolah rendah. Saya difahamkan antara tiga agensi kerajaan ini telah sepakat dalam kurikulum dan sebagainya. Tetapi dalam perlaksanaannya, berlaku persaingan yang kadangkala kurang sihat.

Oleh itu, saya mencadangkan jika rancangan kerajaan itu mewujudkan dasar pendidikan prasekolah, semua kelas prasekolah digabungkan di bawah bahagian pendidikan prasekolah di Kementerian Pendidikan. Dan kerajaan wajar dari sekarang membuat kajian untuk membentuk dua kementerian mengenai pendidikan. Bolehlah dinamakan “Kementerian Pendidikan dan Perpaduan”, di mana agensi seperti KEMAS, Biro Tatanegara dan Jabatan Perpaduan di bawah kawalannya. Satu lagi kementerian, iaitu ‘Kementerian Kebudayaan dan Pendidikan Tinggi.’

Cadangan ini dibuat supaya tugas kawal selia kementerian-kementerian berkenaan benar-benar dapat menjurus kepada hala tuju pembangunan manusia dalam abad ke-21 dan seterusnya abad-abad akan datang sehingga sampai masanya satu bangsa - bangsa Malaysia atau satu bahasa - Bahasa Malaysia dan satu negara - negara Malaysia. Jika ini dapat dilaksanakan dan dicapai

dalam tempoh 10 atau 20 tahun lagi, Bahasa Malaysia tetap unggul dengan ciri-ciri budaya yang pelbagai disatukan di bawah satu tamadun bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, semua hala tuju pembangunan manusia di negara ini bermula pada tahap pendidikan pra-sekolah dan kerajaan seharusnya serius apabila Dasar Pendidikan Pra-Sekolah digubal dan diterima pakai. Tidak akan berlaku 'double standard' terhadap mana-mana agensi kerajaan atau swasta yang akan melaksanakan program pendidikan pra-sekolah di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1995 akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Buat makluman saya difahamkan dalam setahun terdapat seramai 300,000 pelajar di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah yang berorientasikan agama Islam dan agama lain telah tercicir dari arus pendidikan perdana negara, ini termasuklah kira-kira 2,000 sekolah agama yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan rakyat termasuk pertubuhan sukarela dan pertubuhan politik. Kenapa ini boleh berlaku? Dan saya berharap kerajaan dapat segera mengatasinya demi masa depan pelajar-pelajar berkenaan yang perlu diberi didikan berteraskan Rukun Negara dan taat setia mereka kepada negara ini di masa depan. Sebagai contoh, mana-mana prasekolah, sekolah rendah dan menengah yang dianjurkan oleh pertubuhan politik atau pertubuhan sukarela janganlah segera ditutup.

Apa yang wajar dibuat ialah kerajaan mengambilalih sekolah-sekolah berkenaan secara baik dan guru-guru diberi kursus mengikut keperluan

kurikulum sebagaimana guru-guru di Kementerian Pendidikan. Soal pendidikan adalah teras pembangunan, manusia yang akan menentukan hala tuju negara menghadapi 9 cabaran 2020. Oleh itu mereka perlu diselamatkan dengan cara yang betul dan jangan dipolitikkan untuk kepentingan politik kelompok masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika pendidikan Islam telah dapat di mulakan awal, negara tidak bermasalah untuk menerapkan agama Islam dan budaya rakyat berbilang kaum di negara ini. Paksinya, walaupun agama rasmi negara ini agama Islam, lain-lain agama dibenarkan berasaskan keperluan penganutnya dan bukan dipaksa-paksa. Sebuah negara bangsa yang maju di masa depan paksi kekuatan rakyatnya bergantung kepada sejauhmana nilai-nilai murni yang tersurat dan tersirat dalam agama Islam yang dipraktikkan. Soal agama adalah soal ketuhanan dan amat peribadi dan saya menyokong Titah Diraja untuk mengimbangi pembangunan kebendaan, mengimbangi pembangunan kerohanian dengan komitmen yang bersungguh-sungguh melalui pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, lagi mengenai pendidikan sebagai paksi kepada sebuah negara bangsa yang maju di dunia ini, pendidikan memang boleh dikomersilkan dan saya percaya jika ini dapat dilakukan negara kita akan menjadi pusat pendidikan bertaraf dunia, setaraf dengan taraf pendidikan di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Asia Barat dan lain-lain. Saya difahamkan,

ketika ini, hanya ada 9 buah pusat pengajian tinggi yang dibantu oleh kerajaan dan kira-kira 280 buah pusat pengajian tinggi swasta.

Apa yang ingin saya ingatkan ialah bahawa semua institusi pusat pendidikan tinggi ini baik yang diuruskan oleh kerajaan ataupun swasta mesti menjadi Bahasa Malaysia sebagai bahasa akademik dari interaksi dan komunikasi, manakala bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Inggeris, Jepun, Mandarin, Perancis, Jerman dan Arab sebagai bahasa akademik sahaja. Orang mengenal sesuatu bangsa itu melalui interaksi bahasanya, dari itu dalam kita ghairah dengan bahasa asing, Bahasa Malaysia diporakperandakan. Di samping itu saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah mula mengadakan pendidikan jarak jauh untuk pendidikan tinggi. Saya berharap kita jangan ghairah dengan sains dan teknologi sehingga meminggirkan ilmu-ilmu lain. Ilmu selagi digelar ilmu amat penting untuk pembangunan manusia. Untuk menjadi negara maju kita mesti mempunyai rakyatnya sekitar 40% berpendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Titah Ucapan Diraja ada menyebut keadaan sosial yang pincang termasuk masalah penyalahgunaan dadah, lepak, pelbagai kegiatan maksiat, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan wanita-wanita. Jawapan kepada masalah ini ialah telah berlaku keruntuhan kekeluargaan yang tidak disedari akibat pertembungan budaya dan kesan dari liberalisasi eco-politik yang sentiasa berubah-ubah. Saya berpendapat rancangan pendidikan sepanjang hayat perlu diperkukuhkan, membuang nilai-nilai lama dan membina nilai-nilai baru, sesuai dengan perkembangan sosial yang lebih global. Kementerian Pendidikan nampaknya hanya memberi tumpuan kepada rakyat yang berumur dari 7 tahun hingga 24 tahun dalam pendidikan formal dan bagi pendidikan tidak formal pula diserahkan kepada beberapa agensi kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan

Kebajikan Masyarakat, Jabatan Belia dan Sukan, MARA, Felda, Risda, Felcra dan lain-lain.

Pendidikan sepanjang hayat dalam bandar pula wajar diserahkan kepada Jabatan Perpaduan dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan dengan sesuatu bidang supaya satu cara kawal selia yang tersusun dan serba lengkap dapat diambil oleh kerajaan. Apa pun sifatnya, perpaduan antara kaum di negara ini, baik di bandar mahupun di luar bandar menjadi paksi yang jelas untuk memastikan pembangunan manusia di negara ini mempunyai hala tuju yang jelas ke arah menghadapi 9 cabaran Wawasan 2020. Jika ini dapat dilakukan sudah pasti kepincangan dalam masyarakat dapat dibetulkan dan nilai-nilai baru yang murni terutama sektor kekeluargaan yang benar-benar gagah, kukuh, utuh dan berdaya saing mampu berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran baru di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Parlimen pada 25hb. Mac yang lalu. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

5.20 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan izinnya kita dapat bersama-sama pada petang ini membahaskan Usul Ucapan Terima kasih kepada Titah DiRaja. Sebagaimana rakan-rakan di dalam Dewan ini membahas dan membincangkan Usul ini. Saya juga berpendapat sama dan serupa dalam kita menghadapi

perkembangan ekonomi negara yang begitu mampan dengan perkembangan 9.5% pada tiap-tiap tahun di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri di dalam kabinet, nikmat ini saya rasakan sepanjang hayat saya sejak saya lahir menghadapi kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan sehinggalah saya telah pun tua pada hari ini. Saya rasa setiap lapisan manusia dan masyarakat di Malaysia ini berbangga dan berterima kasih.

Kalau kita pandang pada masa dahulu kala 20 tahun yang lalu bahawa dalam satu rumah hendak cari sebuah motosikal pun susah. Tetapi pada masa sekarang hendak masuk kampung pun jaga baik-baik, takut motosikal yang langgar kita. Kerana kemewahan-kemewahan ini dapat kita kecap dengan adanya kerjasama daripada segenap lapisan rakyat yang saya rasakan tidak kurang tanggungjawab yang dikatakan *collective responsible*, dengan izin, bertanggungjawab masing-masing dengan tenaga pekerja yang begitu mantap dan mahir, meninggikan lagi industri-industri pembuatan yang pelbagai bentuk di dalam negara kita. Kita tidak harus leka apabila ekonomi kita melunjak naik dengan begitu mendadak kerana kita juga ada musuh-musuh kita di luar negara. Kerana saya rasa sifat dengki ini bukan sahaja wujud di dalam masyarakat Asia atau di Timur ini, malahan perangai hasad dengki ini dan perasaan yang kurang puas hati ini wujud juga di negara-negara Eropah dan juga negara-negara Amerika.

Maka dengan itulah, pelbagai insentif akan dipotong oleh negara Amerika kerana ia memandangkan kita terlalu lantang menyuarakan sesuatu, kita menyuarakan perkara yang benar, kita menyuarakan demokrasi yang harus kita ikut dan juga masyarakat dunia harus ikut. Jadi, dengan hal yang demikian, kita sedikit sebanyak mendapat kesan dan tempias daripada ucapan-ucapan atau dasar negara kita di luar negara.

Dengan hal yang demikian, saya menyeru kerajaan harus mengambil perhatian yang serius terhadap penghapusan GSP dan sebagainya kerana pada masa akan datang kita tidak akan dikecualikan dari cukai, kita akan dikenakan cukai pada setiap barang yang kita eksport. Dari masa sekarang kita harus bersedia, jangan kita leka dan khayal dengan keuntungan yang lumayan kerana persaingan di dunia perniagaan perdagangan ini adalah amat hebat.

Kita amat tertarik apabila Seri Paduka Baginda semasa dalam ucapan Titahnya pada 25hb. Mac yang lalu, bahawa per kapita kita tahun 1995 adalah 10,000 setahun dan pada tahun 1996 dianggarkan 11,000. Pertambahan 10% ini amat memberangsangkan dan amat menggalakkan. Saya rasa semua akan bersuka hati, senang dan bahagia dan duduk dalam keadaan yang selesa.

Saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang pendidikan. Baru-baru ini saya dapati MARA menghadapi masalah-masalah dalaman dengan akaunnya yang tidak diaudit, perbelanjaan yang tidak perlu dibelanjakan, pengurusan yang tidak begitu mempunyai tatatertib sebagaimana yang

dikehendaki, amat sedih sekali kesan itu telah menimpa anak-anak didik kita yang di luar negeri dan di dalam negeri.

Saya telah dihubungi oleh penuntut-penuntut dari sebuah universiti di sebelah utara iaitu Universiti Plymouth, kalau tidak silap saya kita terdapat 179 orang penuntut, Universiti Plymouth yang ditaja oleh MARA, mereka ini kecewa dan sedih kerana biasiswa ini atau pinjaman siswa ini lambat dihantar atau disalurkan kepada mereka. Sehingga pada Hari Raya Aidilfitri, saya menerima panggilan dari sana daripada salah seorang pengerusi persatuan penuntut-penuntut, mereka memohon agar saya menyampaikan perkara ini kepada pihak kerajaan dan amat malang, biarlah saya cerita terus terang di Dewan yang berbahagia ini, pada hari itu mereka makan roti dengan kuah kari sahaja, tidak ada duit untuk membeli barang makanan dan mahu tidak mahu kerana saya juga mempunyai seorang anak di sana, apabila dibuka sahaja bank selepas empat hari selepas hari raya, saya hantarlah sedikit sebanyak bantuan yang saya termampu untuk anak-anak. Bayangkanlah mereka ini, tiga suku daripada penuntut-penuntut yang ada di dalam negara dan di luar negara terdiri daripada anak-anak penoreh getah, anak-anak nelayan, anak-anak pesawah, anak-anak pemandu teksi, anak-anak driver adalah sedikit sangat golongannya daripada anak-anak yang mewah. Jadi, pihak kerajaan harus prihatin terhadap masalah-masalah ini, jangan sewenang-wenangnya menggunakan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperlukan.

Sebagai contoh, kita lihat juga di pihak MARA membeli kenderaan-kenderaan yang tidak begitu perlu dan juga membeli resort yang telah diutarakan pada sesi yang telah sudah, yang menjadi kesan, yang menjadi derita adalah anak-anak didik kita, anak-anak yang kita harapkan akan menerajui negara di satu hari nanti. Bagaimanakah perasaan mereka yang ingin menuntut sedangkan kocek mereka kontang dengan wang, ibu bapa mereka penoreh getah, pesawah padi.

Jadi, di sini saya mohonlah pihak MARA supaya prihatin terhadap ini, bekerjalah dengan secara suci hati dan ikhlas sebagai hamba Allah kerana kita diberi ganjaran gaji, elaun dan sebagainya.

Baru-baru ini ura-ura pula MARA akan menaikkan taraf biasiswa, pada masa sekarang 2.5 CGPA berkecukupan untuk dapat pinjaman dari MARA. Ura-ura, sekatan ini akan dinaikkan lagi, menjadikan 3.0, dengan adanya 3.0 ini saya rasa anak bangsa, terutama anak Melayu akan tercicir dalam jangka masa panjang kerana apabila saya berbincang dengan mereka mengapakah dasar-dasar ini akan dilakukan, alasan mereka supaya meng'upgrade'kan, dengan izin, taraf pendidikan.

Saya amat setuju kalau kita hendak upgradekan, akan tetapi bukan pada masa sekarang. Kita masih perlu jurutera yang banyak, kita perlu doktor yang banyak, kita perlu akauntan yang banyak, kalau sekiranya jangka masa panjang ini kita tidak dapat isi dengan perkara-perkara ini, saya rasa dasar kita untuk

Wawasan 2020 akan hilang, lenyap begitu kerana kita tidak ada jurutera yang cukup dan jurutera yang ada akan tua, tiap yang tua akan mati dan silih berganti, kalau ada sekatan-sekatan ini ura-uranya adalah 3.0, saya rasa anak-anak Melayu terutamanya akan ketinggalan kebelakang.

Meskipun dalam kajian kita, anak-anak Melayu dalam akademik mereka agak perlahan atau sederhana sedikit, tetapi apabila mereka keluar dari universiti mereka merupakan cendekiawan yang bijak. Kita lihat beberapa kilang swasta terutamanya dari Jepun yang mempunyai R&D, atau dengan izin, research and development memberi kepercayaan kepada anak-anak Melayu sebagai salah seorang penyelidik di dalam R&D mereka tetapi kalau kita kajikan semasa mereka dalam akademik, semasa mereka menuntut di universiti, taraf pencapaian pendidikan mereka adalah agak perlahan, tetapi apabila mereka keluar sahaja dari universiti, mereka faham dengan tanggungjawab mereka dan mereka bersaing dengan bangsa asing, bersaing dengan jurutera-jurutera dari luar negara, mereka terpaksa bekerja keras dengan itu menampakkan prestasi yang amat baik dan menggalakkan.

Dari itu saya berharap sekatan-sekatan yang akan diura-urakan oleh pihak kerajaan untuk pinjaman biasiswa ini dikekalkan yang sedia ada agar membolehkan anak-anak bangsa, anak-anak didik kita pergi ke mercu kejayaan. Saya percaya kalau sekatan ini juga dinaikkan tahapnya, dalam masa sepuluh tahun lagi kita akan ketandusan kejuruteraan, ketandusan doktor, pakar-pakar

ekonomi. Kita tidak menghalang kerana masa sekarang pun pihak kerajaan memberi peruntukan dan pinjaman biasiswa kepada yang lebih cemerlang iaitu yang 3.0 ini diberikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadi, saya rasakan perkara ini haruslah dikekalkan supaya dapat kita menikmati kesemuanya kerana pada golongan kita ini terlebih maklum bahawa bukanlah semuanya terlampau cerdik dan bukanlah semuanya terlampau bodoh, di dalam perantaraan dan kesederhanaan pendidikan ini harus mereka ini diberi kesempatan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Walaupun baru-baru ini ura-ura bahawa pihak MARA akan menggalakkan peruntukan-peruntukan pinjaman biasiswa ini diberi ke dalam negara sahaja, tetapi saya rasa dengan 9 buah universiti dan dengan sedikit institusi pendidikan tinggi, saya rasa kita tidak dapat menampung jumlah yang begitu ramai anak-anak yang lulus dan layak menduduki maktab dan juga universiti.

Dengan hal demikian, saya harap perkara ini diambil kira dengan serius agar tidak mengecewakan dari segi perjuangan-perjuangan untuk menentukan tahap ekonomi kita di tahun 2020. Saya tidak ingin berucap lebih panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap ribuan terima kasih dan dengan ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini menyokong usul yang demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Tuan Rahim Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah diucapkan di kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada 25hb. Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, telahpun banyak diperkatakan di dalam ucapan-ucapan sebelum ini mengenai peranan pendidikan dalam pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita lihat trend pendidikan yang terdapat sekarang ini, saya sendiri berasa bimbang, saya sendiri selalu tertanyanya akan kepincangan yang terdapat di dalam bidang pendidikan khasnya pencapaian pelajar-pelajar Melayu dengan pelajar-pelajar bukan Melayu. Bukanlah tujuan saya untuk berucap di dalam Dewan ini untuk membuat perbandingan dari segi perkauman, jauh sekali daripada niat yang sedemikian, tetapi apa yang saya amati, kalau kita tidak tangani kepincangan, pencapaian pelajar-pelajar Melayu dengan pelajar-pelajar bukan Melayu, saya khuatir akan berlaku satu gap di antara kedua-dua bangsa terbesar di engara kita ini pada masa-masa yang akan datang.

Mungkin tidak ramai di antara kita telahpun mengamati, melihat keputusan, kalau kita analisa keputusan SPM pada tahun 1995 yang lalu, daripada 16 orang yang mendapat 9A - 9A1, 10 terdiri daripada pelajar-pelajar Cina, 5 daripada pelajar Melayu dan 1 daripada pelajar India. Itu yang dapat 9A tetapi dari segi keputusan secara terperinci, saya percaya pihak kementerian

sepatutnya membuat kajian kenapa kelemahan-kelamahan ini masih lagi berlaku. Kalau kita lihat keputusan STPM, kita bangga Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita memberikan keputusan kepada seorang pelajar Melayu yang telah mendapat 5A Sijil Tinggi Persekolahan tetapi pada hakikatnya daripada 43 pelajar yang mendapat 5A hanyalah 2 orang sahaja yang terdiri daripada pelajar Melayu.

Ini satu perkara yang saya harap pihak kementerian kena mencari sebab-sebabnya hingga ke akar umbi. Kenapa keadaan-keadaan ini berlaku, apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu tidak seimbang. Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di antara sekolah-sekolah dalam bandar dengan sekolah-sekolah di luar bandar masih lagi tidak seimbang? Apakah benar sepertimana yang telah diperkatakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan lebih daripada 1500 buah sekolah masih tidak mempunyai bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar, agaknya. Tidak mungkin keadaan ini berlaku di bandar.

Apakah sekolah-sekolah ini yang menempatkan pelajar-pelajar Melayu yang satu hari esok akan menduduki, selepas 10 ataupun 15 tahun akan menduduki peperiksaan SPM ataupun STPM? Inilah keadaan yang patut, walaupun kita berbangga dengan pencapaian negara kita setakat ini. Apakah perlu pihak kerajaan mengkaji semula cara pengagihan oleh pihak Kementerian Pendidikan? Pada masa sekarang ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun

bekas seorang guru, bekas seorang yang bekerja di pejabat pendidikan, pengagihan oleh pihak kementerian bergantung kepada bilangan murid. Lebih daripada 1,000 buah sekolah dipanggilkan “sekolah kurang murid” (SKM), sekolah-sekolah ini kebanyakannya di luar bandar. Pengagihan oleh pihak kementerian bergantung kepada bilangan murid di sekolah.

Jadi, kalau ramai bilangan murid, lebih ramai peruntukan diberi. Kalau kurang bilangan murid seperti sekolah di kawasan pedalaman, di kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri, di kawasan Sabah dan Sarawak ataupun di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung ini, peruntukannya dikira dari bilangan berapa ramai murid sekolah.

Jadi dari segi pengagihan pun, sekolah-sekolah dalam bandar, sekolah-sekolah yang ramai murid akan mendapat peruntukan yang lebih kalau hendak dibandingkan dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi, kita berharap supaya pihak kerajaan memikirkan bantuan ataupun merencanakan cara-cara untuk memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar, khususnya. Di antara cara untuk mengatasi dan menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar luar bandar dan pelajar-pelajar di dalam bandar.

Kita sekarang sudah hendak bercakap mengenai komputer. Kita hendak bercakap fasal Internet, tetapi masih ada ribuan sekolah-sekolah di luar bandar masih tidak ada bekalan elektrik. Macam mana hendak pasang komputer,

macam mana hendak pasang Internet? Saya pun tidak tahu. Kalau ada generator sendiri tak tahulah kalau pihak kementerian boleh mengadakan.

Infrastruktur ini patutnya kita adakan dahulu. Kita boleh berbangga dengan pencapaian negara kita. Dahulu, pendapatan per kapita kita adalah sebanyak RM6,000, selepas itu naik RM10,000. Selepas itu, pada tahun 1996, kata Yang Berhormat tadi, naik RM11,000. Betul, ini memang kita banggakan. Tetapi pada masa yang sama juga, kita lihat dari segi pengagihan kemajuan negara kita ini. Janganlah kemajuan kita hanya bertumpu kepada sesuatu kawasan sahaja.

Di kawasan-kawasan bandar, boleh dikatakan semua kemudahan telah pun lengkap. Tadi, Yang Berhormat berkata MARA pun sudah hendak potong peruntukannya untuk pendidikan. Pada hal, MARA dahulu ditubuhkan semata-mata untuk menjamin dan memberikan peluang kepada orang Melayu dari segi pendidikan dan juga latihan. Banyak badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan semata-mata untuk membantu orang Melayu baik dari segi pendidikan dan juga latihan. Selepas itu, secara perlahan-lahan, badan-badan ini menyimpang dan membuat perniagaan. Pada hal mereka itu tidak sepatutnya menceburi bidang perniagaan.

Pada saya, sepatutnya difikirkan semula peranan MARA ini. Yang sudah berniaga itu, jualkan balik kepada mereka yang sepatutnya membeli. Buat secara MBO atau sebagainya, sebut sahaja, tetapi tumpukan balik.

MARA hendaklah memberikan penumpuan khas untuk pendidikan dan juga latihan bumiputera. There are no business to be in business, dengan izin. Mereka itu tidak ada fasal kenapa hendak menceburi bidang perniagaan. Jadi, tumpukan semata-mata untuk pendidikan dan juga latihan bumiputera. Ini sepatutnya ditumpukan. Peniaga-peniaga yang lain itu, serahkan kepada mereka yang pakar di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, disentuh mengenai matlamat kesihatan untuk semua. Tadi, semasa sesi soal jawab, telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa 5 daripada perkhidmatan yang ada di hospital-hospital kerajaan akan diswastakan.

Saya percaya dan juga saya yakin, tidak lama lagi perkhidmatan kesihatan juga akan dikorporatkan dahulu dalam jangka masa untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan ini. Tadi, telah pun saya katakan, dari segi pengalaman kita, sebut sahaja penswastaaan, dahulu kita betul-betul terlampau eager sangat hendakkan penswasataan, tetapi sejak akhir-akhir ini barulah rakyat mula mengeluh. Bil telefon sudah mula hendak naik 13 sen setiap minit yang akan bermula daripada 1hb. Jun ini. Itu adalah hasil daripada penswastaaan. Bil air pun akan naik hasil daripada penswastaaan. Bil elektrik pun akan naik juga akibat daripada penswastaaan. Bil sewerage atau pembetungan pun tiba-tiba sahaja dikenakan akibat dari penswastaaan.

Saya percaya, kalau perkhidmatan perubatan pun diswastakan, saya percaya rakyat akan terpaksa membayar lebih daripada apa yang ada sekarang. Apa yang saya bimbangkan ialah rakyat di kawasan luar bandar tidak mendapat kemudahan kesihatan kerana apabila diswastakan kelak, mereka ini memikirkan soal keuntungan di mana banyak penduduk yang tumpuan atau densitynya tinggi, di situlah akan ditubuhkan dan diadakan hospital dengan kemudahan yang canggih dan lebih kerana purchasing power penduduk-penduduk setempat adalah tinggi.

Kalau keadaan ini berlaku, walaupun kerajaan telah pun memberi jaminan bahawa dari segi pemberian kemudahan kesihatan, rakyat termiskin tidak akan ditinggalkan, rakyat termiskin akan tetap dibela dan sebagainya. Tetapi apabila berlaku penswastaan, apabila pihak swasta menaikkan kadarnya, dia tidak kenal yang mana miskin dan yang mana yang kaya. Semuanya sama. Bil telefon naik, yang miskin pun kena bayar 13 sen untuk satu minit dan orang kaya pun kena bayar 13 sen juga untuk satu minit. Begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Jadi, apa yang saya harapkan ialah, di samping kerajaan bersungguh-sungguh memikirkan dari segi penswastaan, kita juga hendaklah memikirkan dari segi kepentingan rakyat, khasnya rakyat yang masih lagi berada di tahap miskin. Jangan kita terburu-buru menswastakan sesuatu. Sekarang ini, boleh dikatakan hampir-hampir semuanya sudah hendak diswastakan.

Memang betul ada kebaikan. Macam highway yang kita buat di mana dibuat oleh PLUS dan telah diswastakan. Selepas itu kita buat pula ke Pantai Timur. Kita hendak buat jalan atau highway pula ke Pantai Timur, dengarnya sampai ke Kuala Terengganu, tak sampai ke Kelantan. Saya pun tak faham. Saya bukannya hendak mempertahankan Kelantan yang pada saya kalau hendak buat highway, buat terus.

Soal sekarang ini kerajaan PAS memerintah, itu soal lain. Hari ini PAS, besok mungkin UMNO yang memerintah. Jadi, dari segi pembangunan, apakah kita hendak menidakkan kepentingan lebih daripada 99% orang Melayu di Kelantan dari segi kemudahan-kemudahan ini? Kalau hendak buat pembangunan, kerajaan buat, jangan katakan sampai Kuala Terengganu oleh kerana rakyat pun tahu sebab-sebab politik agaknya rakyat Kelantan hendak dianiayakan.

Jadi, saya berharap dari segi perancangan, walaupun projek-projek penswastan yang akan diadakan, janganlah semata-mata oleh kerana perkiraan politik, keseluruhan rakyat sesuatu negeri itu dipunish ataupun mendapat bencana daripada sesuatu keputusan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dari segi matlamat kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada rakyat keseluruhannya, baru-baru ini oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pun ada di sini, saya lihat income tax diberi pelepasan kalau kita membeli alat-alat untuk orang-orang sakit. Mereka diberikan pelepasan untuk membeli alat-alat sokongan.

Saya percaya Yang Berhormat pun bersetuju dengan saya, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Daripada kita berikan pelepasan cukai kepada mereka yang sudah sakit, patah ataupun sebagainya, beri juga pelepasan cukai kepada mereka yang hendak mencegah, yang hendak membeli peralatan-peralatan untuk menjaga kesihatan. Saya tengok setiap hari di televisyen, sebelah penghujung malam, macam-macam jenis alatan yang diberi, kalau diberikan sedikit peruntukan, tax deduction terhadap pembelian ini. Saya fikir ini juga akan terus menaikkan lagi taraf kesihatan rakyat secara keseluruhannya. Saya berharap cadangan saya ini, pandangan saya ini akan mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang tertentu khususnya daripada pihak Kementerian Kewangan sendiri.

Begitu juga dengan bilangan klinik-klinik di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Kalau saya sebagai seorang doktor tentu saya pun tidak hendak buat klinik di kawasan luar bandar. Pertama kerana kuasa beli (purchasing power) masyarakat luar bandar adalah rendah sekali. Keduanya, bilangan penduduk di kawasan luar bandar tidaklah sebegitu ramai. Dari segi perniagaan, ianya tidak akan mendatangkan keuntungan ataupun pulangan yang lumayan kalau hendak dibandingkan kalau sesebuah klinik itu dibuka di kawasan-kawasan bandar yang mempunyai penduduk yang lebih.

Kerajaan patut memikirkan insentif-insentif supaya doktor-doktor yang ada mempunyai klinik di dalam bandar, setengah-setengah doktor yang mempunyai rangkaian perubatan di dalam bandar diwajibkan pula mempunyai beberapa rangkaian perubatan juga di kawasan-kawasan luar bandar. Jangan hanya memikirkan soal keuntungan sahaja. Dan begitu juga diberikan insentif

umpamanya dari segi cukai pendapatan ataupun dari segi kalau sekiranya sesuatu bangunan itu dijadikan klinik, dari segi cukai pintu ataupun sebagainya supaya ini merupakan satu galakan kepada doktor-doktor untuk membuka klinik-klinik di kawasan-kawasan luar bandar. Kita tidak mahu perkhidmatan perubatan yang terbaik hanya dimiliki ataupun diperolehi oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan bandar. Penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar juga mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika pihak kerajaan benar-benar memikirkan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kerana sekarang ini kita telah pun menuju kepada kehidupan yang berkualiti (quality living) daripada apa yang kita alami sekarang ini. Jadi, kalau pihak kerajaan bermatlamat untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada kesemua rakyat tanpa mengira di mana tempat mereka itu tinggal, kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar, saya berharap kemudahan-kemudahan kesihatan juga akan difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, di awal ucapan tadi saya telah pun menyentuh tentang pengagihan pendapatan. Memang kita bangga pendapatan per kapita kita telah pun meningkat. Kita bangga dengan pencapaian ekonomi yang sebegitu meningkat, lebih daripada 8% sejak lebih daripada 8 tahun yang lalu. Memang tidak ada mereka yang boleh menafikan kejayaan negara kita, kejayaan kerajaan kita setakat ini. Di mana pun kalau kita pergi, rakyat di luar negara akan terus membincangkan dan kagum dengan pencapaian yang kita

capai lebih daripada 8% sejak 8 tahun yang lalu. Tetapi apakah kita telah pun berpuas hati dari segi pengagihan kekayaan negara kita ini? Apakah telah merata pengagihannya? Bukanlah tujuan kita untuk memastikan kesemua rakyat di negara kita ini semuanya jadi kaya.

Saya fikir tidak ada satu sistem ekonomi pun yang boleh mengagihkan kekayaan negara kita ini secara sama rata. Tetapi apa yang kita harapkan bukanlah kekayaan ini dibahagikan sama tetapi kekayaan negara kita ini kita harapkan dapat dibahagikan sama adil di antara penduduk luar bandar dengan penduduk dalam bandar baik dari segi kemudahan kesihatan, baik dari segi kemudahan persekolahan sepertimana yang telah pun saya katakan tadi. Tadi telah pun ditimbulkan soal prasekolah yang kita harapkan ianya akan diambil alih oleh Kementerian Pendidikan. Jangan bertanggung-tanggung lagi kerana kalau kita mula dari sekarang, kalau kita tidak ada will power betul-betul hendak ambil alih soal prasekolah ini daripada pihak Kemas ataupun pihak NGOs yang lain, kerana kesannya akan dapat kita rasakan untuk 10 ataupun 15 tahun yang akan datang.

Kita juga berharap supaya pengagihan yang lebih saksama dari segi pengagihan pendapatan, kemudahan-kemudahan sosial dan juga sebagainya. Rakyat di dalam bandar memang segala-galanya telah ada. Di Kuala Lumpur ini pantang "jam" sedikit sahaja, cepat sahaja jalan dibuat. Saya lihat kalau di kawasan-kawasan yang menghala ke Taman Tun Dr. Ismail, sedikit "jam" pun

jalan itu sudah dibesarkan. Tetapi kalau bagi kawasan-kawasan di sebelah Setapak, sebelah Gombak jalan sudah berlubang lama pun tidak siapa yang peduli. Rupanya bila saya check, kebanyakan pegawai kerajaan yang membuat peruntukan duduk di kawasan Taman Tun Dr. Ismail. Kerani-kerani, office boy duduk di kawasan Setapak atau di kawasan Gombak. Jadi, itulah sebab agakny lambat. Agak sayalah. Jadi, biar sama-sama. Jangan ada kepentingan, jalan menghala ke kawasan ini cepat dibuat. Bila tidak ada pihak-pihak yang melihat kepentingan jalan-jalan ini, lambat dibuat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga disentuh mengenai industri pelancongan. Memang tidak dapat dinafikan industri pelancongan telah pun memainkan peranan yang sebegitu besar sejak akhir-akhir ini. Yang ketiga terbesar dari segi pendapatan tukaran asing. Kita telah pun membuat target supaya sekurang-kurangnya 20 juta pelancong datang ke negara kita dalam masa setahun. Sekarang ini ada lebih kurang 7 juta pelancong yang datang melawat negara kita ini. Kita hendaklah bersedia dari segi infrastruktur. Saya percaya dari segi infrastruktur yang lain, dari segi kemudahan-kemudahan yang lain, pihak swasta telah pun mengadakannya. Tetapi kalau kita bercakap dengan pelancong-pelancong mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang lain umpamanya perkhidmatan taksi ataupun sebagainya, kadangkala menyakitkan dan juga menakutkan.

Secara kebetulan saya ada sebuah hotel kecil, saya tahulah. Kadang-kadang saya tengok tourist yang hendak tahan teksi itu, kadang-kadang sudah 10 teksi lalu pun, dia tidak hendak ambil. Kadang-kadang dia tunggu dan cakap-cakap, dia keluar dan tidak jadi ambil. Saya mula-mula hendak kompelin juga dengan JPJ. Pengurus saya kata, "Yang Berhormat jangan kompelin. Lagi kompelin, lagi dia tidak mahu datang. Lagi jadi masalah. Jangan kompelin langsung. Baik kita diam. Jadi, sekurang-kurangnya dia lalu juga dan dia datang juga. Kalau lagi kompelin, dia boikot kawasan kita, habis kita." Pengusaha teksi, pengusaha bas ini pun sudah tunjukkan semasa Hari Raya Haji dulu diboikotnya, seribu, dua ribu orang tidak dapat balik ke kawasan masing-masing. Yang malu kerajaan juga.

Jadi, satu pemikiran atau perancangan hendaklah diadakan kerana kita hendak menarik pelancong, walaupun infrastruktur seperti bangunan kita sudah buat, shopping complex kita sudah buat, segala-galanya kemudahan-kemudahan kita sudah ada.

Kadangkala perkara-perkara yang kecil-kecilan ini, kita overlook, terlampau overlook sangat, kadang-kadang kita takut hendak mengambil tindakan, umpamanya pengusaha bas pelancong yang pada Hari Raya Haji seramai 1,000 orang tidak dapat balik ke kampung, sampai hari ini kita tidak tahu lagi apakah tindakan yang diambil kementerian kepada pengusaha-pengusaha, lebih-lebihnya saya dengar ada seorang pegawai JPJ dipindahkan ke

Sarawak dalam masa 24 jam dan diturunkan pangkat. Adakah ini cara kita bertindak? Apakah pula tindakan kita kepada pengusaha-pengusaha bas tadi? Adakah kita hendak relakan, kita ini 'at ransom' oleh pengusaha-pengusaha bas ini? Adakah kita hendak relakan, 'at ransom', dengan izin, oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan negara kita?

Jadi, kalau kita sudah siapkan kemudahan-kemudahan, saya berharap supaya pihak kerajaan khasnya pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memikirkan bagi menubuhkan satu jawatankuasa untuk bekerjasama di antara beberapa kementerian yang terlibat seperti JPJ, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan semuanya duduk cuba mengatasi masalah-masalah tersebut.

Dahulu saya masih ingat lagi, masa Yang Berhormat Dato' Napsiah Omar menjadi Menteri Perusahaan Awam dia memberi permit teksi sebanyak 50 kepada sebuah syarikat, heboh seluruh dunia, bukan Malaysia sahaja, bahkan seluruh dunia. Ada yang mengatakan 'tak patut' kerana memberikan kepada satu syarikat, maksud saya 'seluruh dunia' sebab masuk dalam surat khabar, jadi seluruh dunia boleh baca.

Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya itu

Tuan Yang di-Pertua: Tak. *[Ketawa]*

Tuan Rahim bin Baba: Saya sudah dapat agak dah! Jadi, seluruh dunia heboh, tetapi sekarang ini saya percaya sepertimana yang dikatakan oleh

Menteri Pembangunan Usahawan tadi, approach yang sedemikian akan dilaksanakan supaya pengusaha-pengusaha teksi ini digabungkan dalam satu gabungan yang besar, tidak lagi kepada individu-individu, tidak apalah ada juga yang kompelin, dia tidak dapat - tidak apa, biarlah kerajaan sacrifice sedikit, explain kepada dia, kalau hendak pergi kepada syarikat-syarikat besar (gergasi) yang lebih bertanggungjawab, yang telah pun diberikan tadi, saya tidak saya tahulah orang di Kuala Lumpur ini, kalau dia sudah ada sebuah teksi, teksinya sendiri, dia dapat RM50 sehari sudah cukuplah, selepas itu dia tidak hendak bawa teksi lagi, dia duduk di rumah, teksi ada, tetapi dia duduk di rumah. Ada yang setengah-setengahnya itu bekerja di jabatan-jabatan kerajaan pun ada juga yang dapat permit-permit teksi dan digunakan teksi itu untuk pergi ke pejabat selepas itu dia balik, dia dapat mencari penumpang sedikit pada waktu petang, jadi part-time job. Sekarang ini sudah tidak boleh, sudah sampai masa dan juga ketikanya bukan lagi sebagai satu tugas yang secara part-time.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah soal kemalangan yang kerap berlaku di lebuhraya (highway). Tadi, menteri telah pun memberi sebab-sebab, kebanyakan berlakunya kemalangan di lebuhraya PLUS adalah disebabkan human error. Memang kita tidak dapat nafikan, saya tadi pun hendak jawab, saya sudah bangun hendak memberikan cadangan. Sebenarnya human error - human error juga, kadang-kadang highway kita ini, kalau kita memandu kereta pada sebelah malam, gelap gelita.

Saya dapati sejak akhir-akhir ini PLUS sudah banyak membuat iklan di sepanjang highway. Apa kata kalau pihak PLUS mensyaratkan kepada pengiklan-pengiklan ini membuat iklan yang ada lampu, yang ada lighter, di samping dia mendapat pulangan, selepas itu juga iklan-iklan yang diletakkan di sepanjang highway itu akan menerangkan juga lebuh raya (highway). Kita syaratkan semua iklan mesti ditaruh lampu supaya dia dapat menerangkan jalan raya kita. Kalau cara macam ini saya fikir kurang sedikit kemalangan.

Begitu juga kalau lori-lori yang kadangkala berhenti di bahu-bahu jalan ataupun sebagainya, pastikan (make sure) pihak PLUS menghubungi polis dan saman mereka, yang ada itu sahaja-sahaja dia berhenti, dia katalah lori rosak ataupun sebagainya. Dia beri alasan dengan mengatakan “lori rosak” kalau kita panggil polis dan kenakan saman, saya percaya lori yang rosak pun akan boleh jalan juga. Ini menyebabkan banyak accident yang telah pun berlaku sejak akhir-akhir ini disebabkan oleh keadaan-keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh, walaupun saya akan sentuh pada ucapan-ucapan yang lain, kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pun ada di sini, tadi semasa menjawab mengenai kadar faedah ...

Tuan Yang di-Pertua: Kredit kad.

Tuan Rahim bin Baba: Kredit kad. Saya ingat saya hendak tengok Tuan Yang di-Pertua, ingat atau tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hendak tengok juga Yang Berhormat Tuan Rahim. *[Ketawa]*

Tuan Rahim bin Baba: Sebenarnya banyak - RM2.7 bilion, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kebanyakannya yang berhutang itu adalah mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah. Yang ada di dalam Dewan ini mungkin kurang, tetapi golongan yang berpendapatan rendah, yang menjadi kerani, yang menjadi pegawai-pegawai peringkat bawahan, yang tidak ada duit, selepas itu menggunakan kemudahan kredit kad ini untuk digunakan sebagai pinjaman. Itu sebabnya yang jadi sampai RM2.7 bilion, sepertimana yang telah dinyatakan tadi.

Adakah adil pihak bank mengambil duit daripada orang ramai dengan bayaran interest 6%, selepas itu syarikat-syarikat gergasi menggunakan duit itu, dia bayar mungkin BLR plus one percent? Kalau sekarang BLR 8% jadi 9% itu syarikat-syarikat yang besar. Syarikat-syarikat sederhana macam kita, syarikat-syarikat yang kecil ini mungkin lebih sedikit, mungkin BLRnya 8% dicampur 3% jadi 11%. Tetapi golongan yang berpendapatan rendah, rakyat seperti yang menjadi kerani, yang jadi cikgu dan sebagainya kena bayar interest yang tidak ada ceiling - terpulung kepada bank, kalau hendak letakkan 30% pun - 30%lah. Adakah adil keadaan seperti ini?

Saya berharap pihak bank, walaupun pihak kementerian boleh memikirkan kerana ini adalah untuk mencegah daripada inflasi ataupun

sebagainya, tetapi kita juga kena memikirkan dari segi keadilan. Yang besar-besar pinjam - murah interestnya. Ini rakyat biasa, pengundi-pengundi kita ini, kerani-kerani di jabatan-jabatan kerajaan kena bayar sampai 24%-30% faedah yang dikenakan oleh pihak bank. Kadang-kadang saya agak lebih daripada ceti.

Jadi, dari segi keadilan walaupun memang bukannya kita hendak menggalakkan orang berbelanja kalau kerajaan tidak hendak galakkan orang berbelanja, oleh kerana kredit kad ini mengakibatkan rakyat berbelanja lebih. Kredit kad ini mengakibatkan inflasi dan sebagainya, abolish credit card, tidak payah ada kredit kad ataupun orang-orang yang berpendapatan rendah ini jangan beri, mesti pendapatan yang tinggi atau yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti Yang Berhormat Tuan Rahim sendiri.

Tuan Rahim bin Baba: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Seperti Yang Berhormat Tuan Rahim sendiri.

Tuan Rahim bin Baba: Macam saya jangan beri kredit kad. *[Ketawa]*

Begitu juga pada Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Beri orang yang berpendapatan lebih seperti Yang Berhormat Tuan Rahim.

Tuan Rahim bin Baba: Oh! Juga, seperti Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Tuan Rahim bin Baba: Supaya berlaku satu keadilan. Kadang-kadang saya merasa sedih juga tengok orang miskin kena bayar, kadang-kadang saya

tengok orang yang berpendapatan rendah kena bayar interest yang tinggi, tetapi yang berpendapatan besar kena bayar interest rendah pula. Jadi, saya rasa pihak Kementerian Kewangan kena fikirkan perkara ini.

Saya ingat lagi, lima tahun sudah saya masuk sahaja di Dewan ini, saya sudah bercakap mengenai kredit kad ini, dia kata hendak kaji, hendak kaji, ini sudah hendak habis term saya, saya agak lagi sekali bila saya pergi ke Dewan Rakyat pun hendak kaji juga lagi, insya-Allahlah kalau saya pergi ke sana.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah umumkan dahulu ya!

Tuan Rahim bin Baba: Saya kata insya-Allah. Kalau boleh, kalau tidak, kata tidak boleh - sudah, jangan katakan hendak kaji lagi dan sebagainya. Kalau boleh, kata 'boleh'; kalau tidak, kata 'tidak boleh' - senang. Jadi, soalan-soalan ini saya ingat lagi, kerana perkara-perkara ini dekat dengan saya, saya buat calculation, saya tahulah. Oleh itu saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan sungguhpun bilangannya sedikit, jangan sampai menyusahkan dari segi rakyat terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga disebut mengenai perumahan untuk rakyat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa rumah menjadi asas yang terpenting. Semua orang hendakkan rumah. Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri sentuh sedikit soal kekurangan rumah ini, mulalah kita mencari di mana salah dan di mana silapnya. Memang tidak dapat dinafikan sektor swasta sudah melaksanakan tugas mereka. Apa yang ditargetkan oleh sektor swasta telah pun tercapai. Tetapi yang menjadi masalahnya ialah sektor kerajaan ataupun badan-badan separuh kerajaan yang telah pun diamanahkan untuk mendirikan rumah-rumah murah ini.

Yang sebenarnya dari segi awal lagi approach kita pun sudah salah. Badan-badan kerajaan ini bukannya untuk mendirikan rumah. Mereka tidak ada pengalaman. Hendak suruh Majlis Bandaraya Ipoh, hendak suruh majlis-majlis tempatan, kerajaan-kerajaan negeri buat rumah ataupun sebagainya, barulah sekarang kita hendak swastakan. Kita hendak suruh sektor swasta untuk mendirikan rumah-rumah murah.

Apa yang saya harapkan ialah di samping kerajaan menyerahkan peranan ini kepada sektor swasta, saya juga pernah bercakap di Dewan ini mengenai setengah-setengah syarikat terlepas daripada peranan tanggungjawab untuk mendirikan rumah-rumah murah di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan pedalaman. Syarikat yang mempunyai tanah satu ekar, dua ekar ataupun tiga ekar di Kuala Lumpur ini yang mendirikan kondominium tentulah tidak agak sukar kalau kerajaan hendak menyuruh mereka mendirikan kondominium yang harga RM25 ribu. Biar dia hendak mendirikan kondominium yang RM500 ribu, RM1 jutakah, RM2 jutakah, biarlah, tak

mengapa. Tetapi pada masa yang sama, syarikat-syarikat ini juga hendaklah diberikan tanggungjawab untuk mendirikan rumah-rumah murah di kawasan-kawasan lain. Tidak perlu berikan tanah kepada mereka, cuma kenakan sedikit cukai fund untuk di'set-aside'kan, diletakkan untuk mendirikan rumah-rumah murah di kawasan-kawasan luar bandar ataupun di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil yang memerlukan.

Dia hendak untung banyak hendak buat kondominium biarkan. Tetapi pada masa yang sama, kenakan cukai-cukai ini. Kalau umpamanya dia mendirikan 100 unit kondominium, tiap-tiap unit kondominium itu ada RM5,000 diperuntukan, di'set-aside', diletakkan sebagai satu tabungan untuk syarikat ini mendirikan rumah murah di kawasan-kawasan yang lain yang didirikan oleh kerajaan ataupun kerajaan memberikan fund ini kepada syarikat-syarikat lain yang hendak mendirikan rumah-rumah murah di tempat-tempat yang sesuai.

Jadi, ada tanggungjawab bersama. Bukan hanya tanggungjawab kepada pemaju-pemaju yang tertentu sahaja. Ia ada tanggungjawab bersama yang dipikul oleh pemaju yang kaya, pemaju yang membuat bangunan di kawasan-kawasan bandar, dan juga pada masa yang sama pemaju ini dicukai untuk memberikan kemudahan untuk kawasan-kawasan di luar bandar. Dengan cara ini, saya percaya dan yakin, ianya akan dapat mengatasi serba-sedikit masalah perumahan ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukannya rumah murah yang murah. Rumah yang termampu oleh rakyat yang kurang, sebenarnya. Jangan kita bertumpu sangat kepada rumah yang harga RM25,000. Pada hal, masalah yang sama ialah yang termampu oleh mereka. Mereka yang berpendapatan umpamanya RM1,000 - yang menjadi masalah kita ini, pendapatan rendah

memang kerajaan sudah tengok, sudah ada peruntukan-peruntukan. Pendapatan yang tinggi pun dia sudah mampu beli. Ini golongan yang pertengahan.

Sepatutnya satu kajian menyeluruh keperluan perumahan negara hendaklah dijalankan supaya kita dapat tahu di mana sebenarnya keperluan-keperluan ini diperlukan oleh rakyat di negara ini. Jangan kita hanya bertumpu kepada rumah murah semata-mata, nanti besok sampai satu hari kita akan terlebih bina ataupun 'overbuild' rumah-rumah murah ini, dan yang layaknya pun juga masih macam itu, tak juga kita pinda tentang kelayakan. Jadi, besok berlebihan supply daripada demand keadaan rumah-rumah murah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pimpinan negara di atas kejayaan yang telah pun dicapai untuk memperkenalkan Malaysia ke arena antarabangsa. Saya percaya tidak ada seorang pun boleh menafikan pencapaian yang telah pun dibuat oleh negara, khasnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dalam memperkenalkan Malaysia ke luar negara. Memang ini suatu yang patut kita banggakan, di mana Malaysia sentiasa dijemput ataupun sentiasa berada di forum-forum antarabangsa, khasnya yang melibatkan soal-soal keamanan dan juga soal-soal kepentingan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai lagi yang hendak berucap, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda pada 25hb. Mac, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Puan Mastika Junaidah.

6.18 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjunjung kasih dan mengucapkan tahniah di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman semasa

perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada 25hb. Mac, 1996 di Parlimen ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah dapat mengekalkan perpaduan yang erat di antara kaum. Saya percaya, melalui perpaduan yang ada dan juga kestabilan politik di negara kita, kita telah pun dapat mencapai pencapaian ekonomi yang begitu baik, iaitu peningkatan ekonomi selama 8 tahun berturut-turut serta dapat mencapai sebanyak 8%. Malah pada tahun 1996 pencapaian ekonomi kita telah mencapai sehingga 9.5%. Ini saya kira bukanlah perkara yang mudah untuk dapat dicapai oleh mana-mana negara di dunia ini, lebih-lebih lagi bagi negara kita yang mana masih lagi dalam negara membangun menuju ke negara maju dan negara yang mempunyai berbilang kaum. Kunci kejayaan kita adalah perpaduan, dan kunci kejayaan kita adalah kesungguhan pemimpin-pemimpin dan kesungguhan rakyat untuk membangunkan negara.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di mana sungguhpun pencapaian ekonomi begitu baik sekali, tetapi inflasi dapat dikawal, dan usaha-usaha mengawal inflasi ini kita harus dilaksanakan dan harus diusahakan oleh semua pihak supaya pembangunan negara tidak akan menjadi bebanan kepada rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara digerakkan oleh jentera kerajaan dan kerancangan ekonomi dipelopori oleh pihak swasta. Usaha-usaha daripada pihak kerajaan untuk membentuk perkhidmatan awam yang berkualiti dan juga perkhidmatan awam yang dapat memberi sokongan kepada pihak swasta harus di sokong oleh semua pihak. Saya juga menyanjung tinggi usaha-usaha daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membentuk satu Perkhidmatan Awam yang dihormati dan juga Perkhidmatan Awam yang

mempunyai kualiti yang tinggi dalam usaha-usaha mereka menerapkan beberapa bentuk cogankata-cogankata, malah saya kira bukan sahaja cogankata, tetapi peranan pegawai-pegawai di Perkhidmatan Awam di mana mereka meletakkan kualiti sebagai teras di dalam perkhidmatan. Baru-baru ini kita juga ada melihat beberapa agensi dan juga jabatan dalam perkhidmatan awam telah pun menunjukkan sikap bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah.

Saya kira rasuah adalah satu perkara yang harus kita singkirkan dan harus kita elakkan daripada perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kerana ia merupakan imej buruk kepada pihak kerajaan. Kerajaan yang bersih, kerajaan yang tegas dalam memerangi rasuah adalah kerajaan yang menunjukkan sikap yang benar-benar untuk membangunkan negara dan juga rakyatnya. Oleh itu saya berpendapat bahawa agensi-agensi dan juga jabatan-jabatan, malah kementerian-kementerian di dalam perkhidmatan awam hendaklah melihat supaya kalau ada pun amalan-amalan ini terselit di mana-mana di dalam jentera pentadbiran kerajaan ia harus diperangi bersungguh-sungguh.

Baru-baru ini kita melihat pihak polis, umpamanya, telah pun menunjukkan satu sikap yang bersungguh-sungguh dalam memerangi gejala rasuah ini. Kalau saya tidak silap usaha-usaha ini sedikit sebanyak, walaupun bukan berpunca daripada wawancara di radio oleh salah seorang daripada pengacara di radio, tetapi sedikit sebanyak mungkin ada kaitan dengan apa yang telah pun diwawancarakan oleh pihak radio dan pihak polis saya kira, telah

mengambil satu sikap yang positif dalam soal memerangi rasuah ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana walaupun tidak dicakapkan secara terbuka, tetapi kita dengar di balik belakang secara bisik-bisik, perkara ini disebutkan oleh pihak-pihak umum. Jadi, saya berpendapat sebagai sebuah kerajaan yang peka dengan apa yang berlaku maka kita tidak harus malu untuk kita mengakui kalau sekiranya perkara itu benar-benar berlaku dan kita mengambil tindakan dan juga kita menunjukkan usaha bersungguh-sungguh untuk kita memerangi rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga ingin mengemukakan dalam Dewan yang mulia ini supaya untuk kita mewujudkan jabatan-jabatan dan juga perkhidmatan awam yang mantap, saya kira pihak kerajaan harus juga mengkaji gaji, pendapatan dan juga imbuhan yang kita berikan kepada mereka yang telah memberikan khidmat dalam perkhidmatan awam ini. Sebagai contoh yang saya sebutkan tadi, pihak polis - saya berpendapat pihak kerajaan perlu membuat kajian tentang gaji yang diterima oleh pihak Polis pada masa ini, kerana mereka sebagaimana juga yang kita bincangkan semasa Menteri menjawab soalan-soalan lisan pada awal Dewan tadi di mana ada Ahli Yang Berhormat mengemukakan bahawa pendapatan tentera, misalnya, tidak ditahap yang boleh membantu ataupun membolehkan tentera itu untuk menanggung keluarganya sehingga ada di antara tentera-tentera kita yang bekerja, yang berkhidmat, yang menumpukan perhatian

mereka untuk menentukan keselamatan negara, mereka masih lagi tinggal di rumah-rumah setinggan dan sebagainya.

Saya kira, perkara ini juga berlaku di dalam Jabatan Polis, di mana kita dapati ada di antara pegawai-pegawai polis yang bekerja di peringkat rendah, selepas mereka bekerja sebagai pegawai polis, mereka terpaksa bekerja sambil sehingga ada di antara mereka yang membawa teksi dan sebagainya. Saya kira, perkara ini patut dibuat kajian kerana tentera dan polis, walaupun dalam keadaan negara kita aman pada hari ini, kita tidak nampak keperluan wujudnya jawatan ini begitu mendadak, tetapi sebenarnya, tugas dan tanggungjawab mereka adalah berat.

Oleh yang demikian, saya berpendapat dalam masa kita melihatkan masalah rasuah ini, dalam masa yang sama kita juga harus meneliti adakah imbuhan, bayaran dan juga gaji yang diberi kepada mereka itu memadai untuk mereka meneruskan hidup mereka sebagai seorang pegawai yang berwibawa dan juga adakah apa yang telah diberikan kepada mereka itu merupakan ganjaran yang boleh meletakkan mereka ke satu tahap di mana mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya di mana mereka tidak menghadapi tekanan-tekanan yang lain, misalnya dari segi pendapatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga telah pun menyebutkan bahawa pihak kerajaan

memberi perhatian kepada sumber manusia. Sumber manusia adalah merupakan perkara yang amat penting untuk kita membangunkan negara kita. Pendidikan adalah merupakan satu elemen pembangunan dan telah membuktikan kepada kita bahawa melalui pendidikan kita telah dapat mendidik anak-anak bangsa kita sehingga mereka yang terdidik telah memberi sumbangan untuk membangunkan negara kita di hari ini. Tambahan pula dalam usaha kita menuju ke negara maju, saya percaya pendidikan merupakan satu elemen yang amat penting bagi kita untuk memastikan supaya rakyat yang kita lahirkan, anak-anak yang kita didik pada hari ini akan dapat menjadi pewaris pada masa yang akan datang dan akan dapat meneruskan perjuangan kita pada masa yang akan datang. Malah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh mereka untuk membawa negara Malaysia menjadi sebuah negara maju akan menjadi lebih mencabar lagi pada masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa kajian patut dilakukan oleh pihak kerajaan supaya bentuk pendidikan kita sekarang ini yang merupakan dua sistem di mana sistem pendidikan moral atau pun agama dan sistem pendidikan akademik diasingkan, perlulah diberi perhatian dan dikaji semula supaya di dalam pendidikan di negara kita, ia dapat menekankan kedua-dua aspek, sama ada aspek pendidikan secara formal ataupun pendidikan rohani patut ditekankan bersama-sama dalam masa kita membentuk ataupun dalam masa kita menentukan sistem pendidikan negara.

Penerapan nilai-nilai yang murni perlu diterapkan kepada anak-anak kita sejak mereka masih rebung lagi. Jangan sehingga mereka menjadi buluh barulah kita berusaha untuk menerapkan nilai-nilai yang murni. Asas nilai-nilai yang murni sama ada nilai Islam ataupun nilai-nilai pendidikan moral harus dititikberatkan daripada peringkat anak-anak ini masih kecil lagi supaya mereka mempunyai asas yang kukuh untuk menjadi manusia yang berguna kerana saya berpendapat bahawa untuk kita membangunkan negara kita pada masa yang lalu kita telah melihat kesungguhan para pemimpin untuk membawa negara kita kepada negara maju. Memang pun kita melihat bahawa rakyat di negara kita juga memainkan peranan, tetapi saya rasa kesungguhan semangat nasionalisme yang ada di kalangan rakyat kita masih belum cukup kental lagi untuk kita mengisi dan juga untuk kita menentukan wawasan yang dibawa oleh pucuk pimpinan kita, wawasan yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin kita dapat benar-benar difahami dan dapat benar-benar diusahakan oleh semua rakyat di negara kita supaya Malaysia dapat sama-sama “berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah” dengan negara-negara yang lain.

Saya percaya bahawa sumber manusia ini harus diberi penekanan yang bersungguh-sungguh. Usaha-usaha harus dilakukan dengan serius supaya tiap-tiap insan yang kita lahirkan daripada sistem pendidikan kita, akan menjadi manusia yang berguna. Pada hari ini kita menghadapi masalah gejala-gejala

sosial di negara kita. Kita mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi gejala-gejala sosial yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Junaidah, boleh sambung besok?

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.